

Jilid III
Bil. 31



Hari Khamis
24hb Oktober, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5173]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5222]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5223]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank (Pindaan) [Ruangan 5224]

Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan) [Ruangan 5234]

Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) [Ruangan 5281]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI
ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN
SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN
BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI
SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD
BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TuAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap),
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KI (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- » TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.U., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW Foo WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji .Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 24hb Oktober, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ban Hon Keong.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ban Hon Keong tidak hadir).

**TABUNG AMANAH
NASIONAL**

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberi butir-butir lanjut mengenai Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan dari hasil petroleum, sumbangan, pelaburan, tujuan-tujuan dan orang-orang yang akan menjadi pemegang-pemegang amanah-amanahnya.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan atau Tabung Amanah Nasional (TAN) yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan mempunyai objektif-objektif berikut:

- (i) Menerima caruman daripada hasil-hasil perusahaan yang sumbernya merosot.

- (ii) Membuat pelaburan dalam bidang-bidang yang bersesuaian.

- (iii) Membuat sumbangan kewangan Kerajaan dari semasa ke semasa untuk menampung kekurangan sumbangan hasil perusahaan-perusahaan yang merosot apabila perusahaan ini tidak dapat menyumbangkan secara langsung hasil yang munasabah.

Sebagai permulaan Kerajaan telah bersetuju supaya Tabung Amanah Nasional menerima caruman daripada perusahaan petroleum dan PETRONAS akan menyumbangkan sebanyak \$200 juta tiap-tiap tahun. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji bentuk tabung yang sesuai yang boleh ditubuhkan dan corak pelaburannya. Mereka yang akan menjadi pemegang-pemegang amanah akan ditentukan kelak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa tabung ini akan mendapat caruman daripada sumber merosot. Selain daripada petroleum, adakah apa-apa sumber merosot yang akan dikenakan atau perindustian yang perlu diwajibkan untuk membuat sumbangan termasuk liquefied gas, timah dan juga yang lain?

Yang kedua, adakah Kerajaan Negeri-negeri yang ada mendapat hasil daripada petroleum semacam Terengganu, Sabah dan Sarawak dan lain-lain sudah bersetuju untuk

memberi sumbangan kepada tabung ini dan kalau berapa jumlahnya setiap tahun yang ada disetujui?

Yang ketiga adakan penjualan tabung ini akan diaccountable kepada Parlimen di mana Parlimen melalui PAC boleh mengawal belanjawannya?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sumber-sumber merosot atau, dengan izin, depleting resources di negara kita, memang terdapat ada beberapa lain sumber merosot. Bijih timah misalnya memang kita ketahui sedang merosot dari segi banyaknya dan gas yang ada di negara kita ini walaupun jumlahnya agak banyak tetapi ini juga adalah satu sumber merosot dan tidak lama dahulu kita mempunyai misal kata satu lombong besi kalau tidak salah saya di Dungun, ini telah merosot dengan penuhnya dan tidak lagi dibuka. Jadi memang ada beberapa sumber merosot ataupun depleting resources di negara kita. Semuanya ini terutama kalau dikendalikan oleh Kerajaan, kita akan menggalakkan untuk turut serta di dalam pelaburan penyimpanan di dalam Tabung Amanah Nasional (TAN) ini.

Kalau sumber-sumber itu dikerjakan oleh pihak swasta, misal kata perusahaan tin di negara kita, barangkali adalah sukar sedikit untuk meminta mereka melabur atau menyimpan di dalam Tabung Amanah Nasional ini.

Walau bagaimanapun Kerajaan akan mempelawa mereka juga untuk melabur di dalam atau menyimpan di dalam TAN (Tabung Amanah Nasional) ini kerana satu daripada tujuan Tabung Amanah Nasional ini seperti yang saya katakan tadi ialah untuk melabur wang yang tersimpan dalam Tabung Amanah Nasional ini.

Bagi menjawab soalan yang kedua, Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada

mempunyai sumber-sumber merosot seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah pun mengetahui mengenai dengan pembentukan Tabung Amanah Nasional ini. Pada ketika ini mereka belum lagi dihubungi secara rasmi mengenai dengan perkara ini. Adalah diagakkan bahawa mereka mempunyai keperluan-keperluan dengan wang yang diterima oleh mereka daripada royalti minyak petroleum iaitu Negeri Terengganu, Sarawak dan Sabah masing-masing mempunyai penerimaan 5% tiap-tiap tahun daripada pengeluaran petroleum oleh PETRONAS di ketiga-tiga negeri ini. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dikatakan dahulu mereka akan digalakkan juga untuk menyimpan seberapa yang boleh daripada royalti yang mereka dapati daripada petroleum, sumber yang merosot daripada negeri-negeri ataupun luar pantai negeri mereka masing-masing.

Mengenai dengan soalan ketiga, Kerajaan bercadang untuk membentuk sebuah tabung amanah yang khusus tetapi simple iaitu tidak banyak melibatkan pegawai-pegawai, kakitangan dan lain-lain di dalam membentuk Tabung Amanah Nasional ini. Pada ketika ini Kerajaan sedang mengkaji mana satu cara yang paling sesuai untuk membentuk Tabung Amanah Nasional ini tanpa mendirikan satu birokrasi ataupun organisasi yang lebih lagi memakan belanja. Kajian sedang diadakan dan nampaknya kita perlulah merangka satu undang-undang yang simple untuk diluluskan di Parlimen supaya perjalanan dan pentadbiran Tabung Amanah Nasional ini akan tertakluk kepada Parlimen.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan

mempunyai sebarang target tentang jumlah yang ingin dikumpul ke dalam tabung yang berkenaan ini dan jangka masa yang terlibat.

Keduanya, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah cara-cara wang tabung ini akan digunakan kelak?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, target ataupun jumlah untuk simpanan ini tidak tertakluk kepada mana-mana, dalam ertikata yang lain seberapa banyak yang boleh disimpan lebih baik; kerana tujuannya, seperti yang dikatakan tadi tujuan utamanya ialah untuk menyimpan lebih-lebih sedikit itu supaya boleh digunakan di masa hadapan nanti apabila sumber-sumber itu telah merosot dan tidak lagi dapat menampung keperluan negara kita dan tidak lagi dapat memberi sumbangan kepada keperluan kewangan negara kita. Misal kata, petroleum ini pada ketika ini sebagai satu sumber merosot, ianya dijangka akan dapat menyumbangkan hanya dalam masa 12 tahun yang akan datang kecuali kita dapat menjumpai telaga-telaga minyak yang baru. Sekiranya kita carigali dengan lebih teliti, dengan lebih rapi telaga-telaga yang ada sekarang atau berhampiran, maka jangka masa ini boleh berpanjangan sehabis-habis lebih kurang 22 tahun. Jadi, sementara kita ini mempunyai pendapatan daripada sumber-sumber seperti ini kita mengambil peluang untuk menyimpan sedikit untuk keperluan masa hadapan. Jadi, jangka masanya untuk memenuhi hasrat penyimpanan TAN tidak ada jangka masa yang tertentu dan kalaulah sekiranya esok kita menemui emas misalnya emas itu juga seberapa boleh akan kita pelawa untuk melabur di dalam TAN (Tabung Amanah Nasional) ini juga. Demikian pula, kalau kita menjumpai lain-lain sumber merosot.

Mengenai sebagaimana menggunakannya, sukalah saya mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa tabung ini adalah tabung yang dikendalikan oleh Kerajaan, tabung Kerajaan. Jadi, memanglah untuk menggunakan Kerajaan sekarang dan di masa hadapan akan menggunakan kebijaksanaannya untuk menggunakan tabung ini untuk keperluan dan faedah rakyat dan negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Soalan terakhir.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau berasa yakin bahawa Kerajaan-kerajaan negeri yang akan dijemput untuk memberi caruman kepada Tabung Amanah Nasional ini akan memberi sumbangan yang dikehendaki.

Yang kedua ialah bolehkah Yang Berhormat memberi tahu tentang siapa yang akan menganggotai Lembaga Pemegang Amanah Tabung Amanah Nasional ini? Dan yang akhir ialah bolehkah Yang Berhormat memberi bayangan tentang bilakah satu Rang Undang-undang akan dapat dikemukakan ke dalam Dewan ini bagi tujuan untuk menubuhkan tabung ini?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kita akan cuba memujuk Kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai sumber merosot terutama sekali petroleum yang ada pada masa ini dan juga gas di mana mereka dapat 5% tiap-tiap tahun untuk melabur atau menyimpan seberapa yang boleh di dalam Tabung Amanah Nasional ini. Ini sebenarnya sedang kita hubungi mereka tetapi belum secara rasmi, mereka apabila bertemu secara tidak rasmi dengan pemimpin-pemimpin negeri tersebut.

Saya rasa ini tidak menjadi masalah dan, seperti yang saya katakan awal tadi, terpulunglah kepada keperluan negeri-negeri yang ada sumber merosot itu sama ada mereka pada ketika ini mampu mengeneipkan sedikit daripada penerimaan mereka itu. Misal kata semua tiga negeri yang mempunyai 5%, Terengganu, Sarawak dan Sabah, menerima lebih dari \$100 juta setahun royalti daripada Kerajaan Persekutuan iaitu daripada PETRONAS. Adalah diharapkan yang mereka boleh sisipkan sedikit ke dalam TAN (Tabung Amanah Nasional) ini untuk faedah mereka sendiri sebab mereka akan dapat hasil masing-masing daripada pelaburan wang yang mereka masuk di dalam TAN (Tabung Amanah Nasional).

Yang kedua, seperti yang saya jawab di dalam soalan asal, Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kerajaan sedang menentukan siapa yang akan dicalonkan ataupun dicadangkan untuk menjadi pemegang-pemegang amanah Tabung Amanah Nasional ini.

Yang ketiga, nampaknya pada sesi Belanjawan yang sedang berada sekarang tak sempatlah untuk mengadakan satu Rang Undang-undang tetapi adalah diharapkan awal tahun hadapan kita akan dapat selesaikan perkara ini.

SENAPANG PATAH—PINDAH MILIK LESEN

3. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sedarkah Kementeriannya bahawa pemindahan pemilik lesen senapang patah secara haram dari pemilik Bumiputera ke bukan Bumiputera di negeri Sarawak di mana tukar milik itu kebanyakannya berlaku di Sibul, Bahagian Ketiga, Sarawak dan apakah tindakan yang akan diambil atas perkara itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad); Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen senapang patah di negeri Sarawak adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Dasar pengeluarannya adalah tertakluk kepada Perintah Sabah dan Sarawak (Kuasa-kuasa Pemerintah) (Senapang Patah) 1977 yang berkuatkuasa semenjak 1hb September, 1977.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pemindahan milik lesen senapang patah secara haram dari pihak bumiputera ke bukan bumiputera, Kementerian Dalam Negeri telah menghubungi pihak Setiausaha Kerajaan Sarawak dan pihaknya sedang menjalankan penyiasatan terhadap kegiatan tersebut.

Tuan Sim Kwang Yang; Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan merampas ataupun menahan banyak senapang patah dalam tahun enam puluhan semasa ugutan daripada communist subversion masih wujud ketika itu. Dan setelah 22 tahun kemerdekaan yang dinikmati oleh rakyat Sarawak, satu senapang patah pun belum diberi balik kepada para petani dan mereka mengalami kerugian yang besar daripada kerosakan yang dilakukan kepada hasil-hasil tanaman mereka oleh binatang-binatang hutan. Dan ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah senapang itu tidak benar diberi balik pada para petani itu ataupun adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk melonggarkan syarat-syarat tertentu supaya mereka boleh diberi lesen yang baru supaya boleh mendapati senapang yang baru untuk menjaga kebun-kebun mereka.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad; Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah jawab tadi, pengeluaran lesen senapang patah di negeri

Sarawak adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Dan kepada mereka yang mana senampang patah mereka telah dirampas pada tahun enampuluhan, saya merayulah kepada mereka untuk membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri, dan terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk melulus ataupun tidak meluluskannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad.

(Soalan No. 4 Y.B. Dr Leo Michael Toyad tidak hadir).

BUKIT TINGGI SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

5. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) kemajuan terakhir dalam membangunkan Bukit Tinggi sebagai cadangan Wilayah Persekutuan yang ketiga; dan
- (b) berapa amaun gantirugi diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan Bukit Tinggi dan memandangkan Kerajaan mengalami masalah kewangan, adakah masalah-masalah yang Kerajaan Persekutuan menjangkakan dalam hal gantirugi.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan;

- (a) Kerja-kerja berikut sedang dijalankan dalam usaha membangunkan Bukit Tinggi sebagai Wilayah Persekutuan.
 - (i) untuk menyediakan pelan konsep perancangan. Dan pelan konsep yang sedang

disediakan ini meliputi perancangan keseluruhan kawasan bandar baru Bukit Tinggi. Dan kerja-kerja penyediaan pelan konsep perancangan ini dijangka dapat disiapkan pada tahun 1986;

- (ii) menjalankan kerja-kerja ukur. Kerja-kerja ukur telah bermula pada awal bulan September tahun ini dan dijangka siap pada bulan Disember tahun ini juga.

Bagi soalan yang kedua dari segi jumlah gantirugi, perkara ini masih lagi dalam peringkat perundingan di antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai tindakan pihak Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan satu wilayah seperti Wilayah Persekutuan, bolehkah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tujuan untuk menjadikan demikian, oleh kerana satu tindakan Kerajaan untuk menjadikan Labuan seperti Wilayah Persekutuan telah menerima maklum balas yang tidak begitu baik.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mencadangkan supaya Bukit Tinggi dijadikan satu lagi Wilayah Persekutuan ialah untuk menambahkan kawasan yang terhad di Wilayah Persekutuan ini.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang begitu terhad sejumlah 96 batu persegi sahaja tidak lagi dapat menampung pembangunan yang dirancangan dalam tahun-tahun yang akan datang. Maka dengan hakikat inilah kita cuba mencari kawasan yang lebih besar lagi

untuk menampung pembangunan di Wilayah Persekutuan dan juga supaya kita dapat menyediakan satu pelan konsep pembangunan Wilayah Persekutuan yang lebih lagi teratur.

Bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula, Tuan Yang di-Pertua, memang tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat itu. Pada hal pula memang kita mendapat sambutan yang baik daripada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan Labuan yang inginkan kemajuan. Memang cadangan untuk dijadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah daripada sebab-sebab yang tertentu dan salah satu daripada sebab itu ialah untuk merebut peluang supaya pulau tersebut dapat dibangunkan dengan lebih cepat lagi.

KEGUNAAN TANAH BAGI MAKSUD AGAMA

6. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyebutkan garis-garis panduan perancangan yang kini diamalkan untuk kegunaan tanah bagi maksud-maksud agama, termasuk nisbah perancangan (jumlah ekar bagi tiap-tiap satu ribu penduduk) untuk Islam dan agama-agama bukan Islam. Adakah beliau sedar bahawa dalam pelan-pelan struktur untuk beberapa kawasan perbandaran seperti Ipoh dan Kelang, tanah yang diperuntukkan bagi agama-agama bukan Islam adalah jauh daripada mencukupi. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memperbaiki keadaan ini agar agama-agama lain boleh mempunyai bilangan tempat ibadat yang wajar dan mencukupi demi dapat meningkatkan perkembangan agama dan moral berbagai kaum, khususnya di bilangan belia.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, bagi kawasan ibadat orang-orang Islam, piawaiannya telah ditetapkan oleh Jabatan Perdana Menteri tetapi bagi masyarakat bukan Islam adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun berasaskan kepada kajian yang telah dijalankan, piawaiannya bagi kawasan-kawasan ibadat masyarakat Islam dan bukan Islam adalah berbeza di antara negeri-negeri dan di antara bandar-bandar. Umpamanya berkaitan dengan masjid, bagi Majlis Perbandaran Ipoh, pengukuran piawaiannya ialah 1 bagi tiap-tiap 800 orang Islam. Majlis Perbandaran Johor Bahru, 1 bagi tiap-tiap 800 orang Islam dan Majlis Perbandaran Kelang juga 1 bagi tiap-tiap 600 orang Islam.

Bagi tokong Cina pula, peruntukan piawaiannya Majlis Perbandaran Ipoh ialah 1 bagi tiap-tiap 5,000 orang, Majlis Perbandaran Johor Bahru 1, bagi tiap-tiap 4,000 orang dan Majlis Perbandaran Kelang bergantung kepada pengalaman. Oleh itu piawaiannya ini merupakan garis panduan kasar sahaja dan boleh dipinda mengikut keadaan sesuatu kawasan.

Penyediaan kawasan-kawasan ibadat adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan. Memandangkan masyarakat bukan Islam adalah terlalu kompleks dan berbeza-beza dan bilangan mereka adalah sukar ditentukan keperluan masyarakat ini adalah mengikut pengalaman dan sukar diperhitungkan. Pada kebiasaannya tanah-tanah perkuburan yang mencukupi disediakan dan ditempatkan di luar kawasan pembangunan di mana kos tanah adalah lebih rendah dan boleh pula mewujudkan kawasan hijau atau zon pemisahan. Tanah-tanah perkuburan yang sedia ada di kawasan bandar dan dikekalkan dengan diadakan usaha-usaha untuk mengindahkan kawasan tersebut.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah jelas bahawa piawai bagi ibadat Islam dan bukan Islam itu jauh berbeza kalau kita membandingkan pelan struktur bagi Ipoh, Johor Bahru dan Kelang. Apakah sebabnya begitu jauh berbeza memandangkan bahawa penganutan agama di kalangan bukan Islam itu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri jauh lebih kompleks dan ini bukannya bermakna bahawa keperluan mereka itu adalah lebih kompleks dan lebih bertambah sekiranya dibandingkan dengan agama Islam.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, benar dan saya bersetuju dengan kata Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang saya maksudkan tadi bila saya katakan mereka itu adalah satu masyarakat yang kompleks, masyarakat yang bukan Islam ini, kerana sebagai contoh peruntukan jumlah bilangan kaum Cina sukar diketahui sama ada mereka itu menganut agama Buddha ataupun agama Kristian ataupun Confucius, Hindu, Bahai dan sebagainya. Jadi sukar bagi kita untuk menentukan tetapi untuk memberi lagi maklumat untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, misalnya untuk masyarakat yang bukan Islam, bagi tokong Cina sebagaimana saya katakan tadi 1 tiap-tiap 5,000 orang dan dihadkan sebanyak 0.4 hingga 0.8 hektar tanah keluasan tapak untuk maksud membina bangunan yang diperlukan. Begitu juga bagi gereja, kuil Hindu, Sikh dan sebagainya.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adakah beliau sedar bahawa terdapat tempat menyembah atau empat ibadat bagi

orang-orang bukan Islam di merata-rata tempat, di bawah-bawah pokok besar, tepi-tepi batu, tepi-tepi gua dan ini sudah tentu tidak mengikut perancangan yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Apakah tindakan pihak Kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan supaya mereka yang hendak membuat tempat ibadat itu meminta kebenaran pihak berkuasa supaya ianya tidak menjadi sesuatu yang tidak baik di belakang hari apabila kawasan tersebut hendak dijadikan tempat pembangunan?

Yang kedua, berbalik kepada tempat bersemadi iaitu tempat perkuburan, ada setengah-setengah perkuburan itu hendak memakan tanah yang banyak sampai hendak dibina bangunan yang besar-besar, makin kaya makin banyak. Apakah Kerajaan mengadakan peraturan supaya tanah itu digunakan hanya 3' X 6' sahaja dan tidak lebih daripada itu dan kalau lebih daripada itu dikenakan bayaran dengan nilai yang tinggi kerana ini akan mengelakkan kekurangan tanah dalam bandar seperti di Ipoh dan juga Kuala Lumpur.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama itu saya sedar dan Kerajaan-kerajaan Tempatan adalah berkuasa untuk mengambil tindakan yang sewajarnya ataupun berunding dengan pihak yang berkenaan.

Berkenaan dengan syor yang kedua itu, saya rasa elok juga syor Ahli Yang Berhormat itu dan mungkin boleh kita sampaikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempersegerakan proses untuk meluluskan tanah-tanah bagi rumah ibadat orang-orang bukan Islam kerana sekarang ini kadangkala permohonan misalnya untuk gereja

Kristian sangat lambat memakan masa beberapa tahun, bolehkah beliau membantu untuk menyegerakan proses permohonan itu.

Yang kedua, adakah suatu amalan di mana tanah kubur itu dikenakan cukai tanah?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama itu tadi, kalau sekiranya saya ada kuasa tentu sekali saya percepatkan untuk Ahli Yang Berhormat, tetapi oleh kerana kuasa itu tidak ada kuasa dengan saya tetapi ada kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, maka saya dukacita tidak dapat menolong Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan soalan yang kedua itu tadi, ini juga saya pulangkanlah kepada pihak-pihak yang tertentu.

POLIS DIRAJA MALAYSIA— PEMBESARAN CAWANGAN TRAFIK

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kementerian kurang beri tumpuan kepada Bahagian Lalulintas Polis DiRaja Malaysia sehingga kerja untuk mengawasi lalulintas jalanraya dan menguatkuasakan Undang-undang lalu lintas jalan raya di seluruh negara tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana kurang anggota dan kemalangan-kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian bertaku hampir tiap-tiap hari. Adakah Kementerian bercadang menambahkan lagi anggota Bahagian Lalulintas Jalan Raya di seluruh negara, memandangkan angka kematian kerana kemalangan jalan raya ada lebih banyak bila dibandingkan dengan kematian kerana sebab jenayah atau hisap dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Cawangan Trafik Polis DiRaja Malaysia mengalami kekurangan anggota di semua kontinjen, namun tugas-tugas mengawasi lalulintas di jalan raya dan menguatkuasakan undang-undang lalulintas di seluruh negara masih dapat berjalan lancar dengan bantuan anggota-anggota Polis Tugas Am.

Pihak Kementerian sememangnya sedar atas masalah kekurangan anggota di Cawangan Trafik Polis keseluruhannya. Satu kajian mengenai pembesaran dan pertambahan keanggotaan bagi Cawangan Trafik Polis DiRaja Malaysia telah dibuat dan pihak Kerajaan pada dasarnya telah pun bersetuju meluluskan tambahan perjawatan sebanyak 3,079 jawatan baru untuk 9 buah kontinjen iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sabah. Tambahan jawatan baru bagi 4 buah lagi kontinjen iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah/Perlis dan Sarawak masih dalam kajian.

Walau bagaimanapun, suka ditegaskan di sini bahawa bilangan angka kematian disebabkan kemalangan jalan raya tidak semestinya akan berkurangan sejajar dengan pembesaran Cawangan Trafik Polis. Ini adalah kerana berdasarkan rekod, lebih 90% kemalangan jalan raya yang berlaku tiap-tiap tahun adalah disebabkan kecuaiannya pemandu-pemandu kenderaan sendiri. Penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak mencukupi, sebaliknya faktor-faktor education, engineering dan enforcement, dengan izin, mestiJah digabung bersama untuk mencegah kemalangan jalan raya.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Mohd. Basri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada

Timbalan Menteri berkenaan jika ada angka-angka kemalangan bagi tiga tahun yang lampau iaitu berkaitan dengan kemalangan jalan raya dan saya ingin tahu adakah angka itu menunjukkan sama ada kemalangan jalan raya itu meningkat ataupun berkurangan?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, angka kemalangan jalan raya bagi tiga tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

1982—68,220 kemalangan jalan raya telah dikesan.

1983—meningkat kepada 71,433 kes.

1984—meningkat kepada 73,479 kes kemalangan yang direkodkan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga dari angka itu terdapat bahawa lebih kurang pada tahun sudah, berpandukan kepada angka tahun sudah lebih kurang 9 orang mati akibat kemalangan jalan raya tiap-tiap hari. Kecederaan tahun sudah yang kita dapat pastikan adalah sebanyak 20,774.

Seperti mana yang kita sedia maklum, angka-angka yang saya sebutkan tadi menunjukkan bahawa kita merupakan negara yang terburuk sekali, di antara negara yang terburuk sekali dari segi kemalangan jalan raya di seluruh dunia.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu berkenaan dengan lumba motosikal di jalan raya. Jadi adalah perkara ini berlaku kerana kita kurang tenaga kakitangan Polis Lalulintas ini ataupun kerana kurangnya perhatian yang dibuat daripada segi kuatkuasa untuk mengesan dan membanteras kegiatan semacam ini?

Dan yang kedua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat

Timbalan menteri oleh kerana pada masa ini lumba motosikal di jalan raya ini belum lagi menjadi satu kesalahan daripada segi undang-undang dan dahulu ada Ahli Yang Berhormat menyebut undang-undang kita akan pinda hendak menjadikan ini sebagai satu kesalahan, saya hendak bertanya bilakah Rang Undang-undang macam ini dapat dibentangkan?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kejadian ataupun wujudnya perlumbaan motosikal, khususnya di tengah-tengah malam adalah oleh sebab kerana Cawangan Trafik Polis Di Raja menghadapi kekurangan kakitangan. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa Pasukan Polis Trafik di bandar-bandar besar selalu menjalankan serbuan dan pencegahan untuk menghalang mereka yang tidak bertanggungjawab mengadakan perlumbaan yang akan membawa akibat yang buruk bukan sahaja kepada mereka bahkan kepada lalulintas.

Bagi soalan yang kedua, memanglah perkara ini dalam kajian pihak Kementerian dan jika tidak ada halangan kita akan membawa satu undang-undang untuk memberi kuasa yang lebih kuat ataupun kuasa yang lebih lagi kepada mahkamah bersangkutan dengan kesalahan mereka yang menjalankan perlumbaan di jalan raya melalui motosikal ataupun motokar.

Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri berapa ramai bilangan Polis Lalulintas daripada wanita dan tidakkah Yang Berhormat mencadangkan tebih banyak lagi kerana saya rasa wanita itu lebih strict, dengan izin, daripada lelaki (*Ketawa*).

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa

anggota Polis Wanita adalah lebih strict daripada anggota Polis Lelaki. Walau bagaimanapun, saya mohon notis untuk menjawab bilangan anggota Polis wanita yang terdapat di dalam Pasukan Trafik Polis Di Raja Malaysia.

PERSIDANGAN KELAPAN JAWATANKUASA PERDAMAIAN ISLAM

8. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah keputusan Persidangan Kelapan Jawatankuasa Perdamaian Islam (OIC) di Jeddah baru-baru ini, dalam menyelesaikan masalah persengketaan Iran-Iraq. Apakah negara kita dan ahli-ahli persidangan yang lain telah bersungguh dan berkeyakinan penuh persengketaan itu boleh diselesaikan tanpa kehadiran dua negara terlibat itu.

28-10-85.

10. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah halangan terbesar yang menyebabkan peperangan Iran dengan Iraq itu tidak dapat didamaikan hingga saat ini.

29-10-85.

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai setakat ini dalam usaha Malaysia dan negara-negara OIC mencari perdamaian antara Iran dan Iraq. Bagaimanakah reaksi dan sambutan yang diperolehi daripada negara-negara yang terlibat.

31-10-85.

4. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) apakah perkembangan terbaharu kedua-dua pihak

iaitu Iran dan Iraq setelah persidangan Jawatankuasa Pendamai Iran-Iraq bersidang di Jeddah dalam bulan September yang lalu di mana Y.A.B. Perdana Menteri sendiri menyertainya; dan

(b) apakah resolusi-resolusi penting kini yang telah diputuskan di dalam Persidangan tersebut.

20-11-85

14. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dalam usaha mendamaikan peperangan Iran/Iraq semenjak pertubuhan itu mengadakan persidangan-persidangan menegenainya, dan apakah rumusan terbaru yang dicadangkan dalam persidangan OIC di Jeddah baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan lain yang mana adalah sama juga seperti soalan ini. Soalan-soalan tersebut adalah dari Yang Berhormat Ahli Sabak Bernam pada 28-10-85; Yang Berhormat Ahli dari Bachok pada 29-10-85; Yang Berhormat Ahli dari Parit Buntar pada 31-10-85 dan Yang Berhormat Ahli dari Parit pada 20-11-85.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jawatankuasa Damai Islam (IPC) yang Kelapan yang telah diadakan di Jeddah dari 12hb ke 14hb September adalah dalam rangka untuk meneruskan usaha-usaha Jawatankuasa ini dalam mencari penyelesaian mengenai Perang Iran-Iraq yang mana sekarang ini telah pun masuk ke tahun keenam. Peperangan

yang berterusan ini adalah merugikan dunia Islam keseluruhannya dan oleh kerana ianya bukan sahaja telah mengorbankan lebih 1 juta nyawa serta juga telah mengakibatkan kerugian harta-benda yang beribu-ribu juta ringgit, malah telah juga menjejaskan perpaduan umat Islam sendiri.

Jawatankuasa ini sedar akan hakikat ini dan sebagaimana yang kita sedia maklum ianya telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari jalan ke arah tercapainya satu penyelesaian. Jawatankuasa ini memandang berat peperangan ini yang boleh melibatkan negara-negara lain di kawasan itu. Semenjak 4 tahun yang lalu, Jawatankuasa ini telah mengemukakan beberapa cadangan damai bagi menyelesaikan isu-isu yang terlibat dalam pertikaian ini. Namun begitu, usaha-usaha Jawatankuasa ini masih belum mendatangkan hasil yang positif oleh kerana pendirian kedua-dua negara tersebut adalah bertentangan. Dalam hal ini Jawatankuasa ini telah menyatakan rasa kesalnya kerana peperangan ini masih berlarutan walaupun ianya telah beberapa kali menggesa kedua-dua pihak supaya memberhentikan peperangan. Namun demikian, memandangkan bahawa penyelesaian peperangan ini adalah penting dari segi perpaduan negara-negara dan umat Islam, Jawatankuasa ini berazam untuk meneruskan tugas-tugasnya.

Untuk makluman, saya ingin menyatakan bahawa setelah mengkaji dengan sedalam-dalamnya keadaan semasa peperangan ini dan langkah-langkah yang telah diambil di mesyuarat-mesyuarat yang lalu, maka mesyuarat kali yang kelapan ini telah membuat keputusan untuk meningkatkan lagi usaha-usahanya atas dasar keislaman dan undang-undang antarabangsa serta mengikut

mandat Sidang Kemuncak Islam Ketiga dan Keempat. Mesyuarat ini juga telah memberi mandat kepada Pengerusi Jawatankuasa ini untuk menghubungi kedua-dua pihak sekali lagi. Jawatankuasa ini kemudiannya akan meneliti jawapan dan hasil usaha Pengerusi tersebut dan seterusnya akan mengambil tindakan sewajarnya. Jika perlu, Jawatankuasa ini akan membuat laporan kepada Sidang Kemuncak OIC mengenai usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa ini sebagai asas bagi mencari jalan ke arah tercapainya satu penyelesaian.

Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam mesyuarat tersebut bagi membolehkan mesyuarat membuat rumusan yang praktikal dan berguna untuk dilaksanakan. Ini penting sekali oleh kerana Malaysia mahukan Jawatankuasa ini sedar akan tanggungjawab dan seterusnya menentukan supaya Jawatankuasa bertindak dalam satu jangka masa yang tertentu. Di samping ini juga, Jawatankuasa hendaklah benar-benar bersikap berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam peperangan ini sekiranya ia ingin mencapai apa-apa kejayaan dalam usahanya.

Adalah terlalu awal bagi kita untuk menentukan hasil-hasil yang telah dicapai oleh Jawatankuasa ini dalam melaksanakan keputusan Mesyuarat Kelapan yang lalu. Namun begitu, satu mesyuarat akan diadakan nanti untuk meninjau hasil usaha-usaha yang telah dicapai oleh Pengerusi Jawatankuasa ini untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri adakah perah Jawatankuasa Perdamaian Islam ini berdepan ataupun berbicara sama-sama di antara pemimpin Iraq

dengan pemimpin Iran. Kalau boleh, Ayotullah Khomeini dengan Presiden daripada Iraq, Saddam Hussein sama-sama di perundingan dan tanya apa di sini hendak, apa di sini hendak supaya dapat kita menyelesaikan masalah itu sama-sama mereka supaya jangan berebut benda yang tidak boleh mendatangkan faedah kepada mereka berdua?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa ini di peringkat Menteri Luarnya telah pun, kalau tak silap saya, sekali atau dua berjumpa dengan Ayotullah Khomeini dan juga Presiden Iraq, Saddam Hussein tetapi malangnya tidak dapat begitu banyak kemajuan. Kalau boleh dilaksanakan cadangan Yang Berhormat itu saya rasa sudah tentulah perkara ini akan dilaksanakan, tetapi nampaknya Jawatankuasa Damai tersebut memang menghadapi berbagai-bagai masalah untuk membawa kedua-dua pihak ini ke meja perundingan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Di antara sungutan yang kita dengar yang disungut oleh Iran ialah mereka menuntut supaya dihukum orang yang menyerang dahulu dan bagi mereka yang menyerang dahulu ialah Iraq. Jadi, soalnya apakah pandangan Jawatankuasa OIC terhadap permintaan ataupun sungutan yang dibuat oleh Iran ini?

Yang kedua, pernahkah tidak Jawatankuasa OIC ini berfikir

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak menjelaskan "mereka", siapa yang mendakwa bahawa siapa yang serang dahulu. Saya ingat tak jelas tadi.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Saya ulangi. Di antara sungutan yang kita baca dalam suratkhobar sungutan yang dibuat oleh Iran ialah mereka menuntut supaya dihukum

orang yang menyerang dahulu dan mengikut pandangan Iran, orang yang menyerang dahulu ialah Iraq hasil daripada pembatalan Perjanjian Algeris tahun 1973, kalau tak salah saya. Oleh yang demikian, saya hendak tahu apakah pandangan Jawatankuasa OIC terhadap pandangan yang sangat-sangat dikehendaki oleh Iran ini, iaitu menuntut menjatuhkan hukuman ke atas orang yang menyerang mereka itu membandingkan bahawa penyelesaian cara politik dengan tidak menghukum pengkhianat ini tak selesai, sepertimana pertelagahan di antara Arab dengan Israel.

Soalan yang kedua, iaitu pernahkah terfikir dalam Jawatankuasa OIC ini untuk memujuk negara-negara yang memberi bantuan kepada sebelah-menyebelah; bantuan askarkah, bantuan kewangankah kepada Iran ataupun kepada Iraq, wujud mereka itu supaya tidak lagi memberi bantuan-bantuan kerana kalau tidak ada bantuan ini mustahil peperangan ini dapat berlanjutan sampai bertahun-tahun.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan Ahli Yang Berhormat itu, satu dan dua itu ada kaitannya. Saya ingin menyatakan sebagai Ahli Jawatankuasa Perdamaian untuk menyelesaikan peperangan Iran-Iraq itu adalah dirasakan bahawa tidak bijak kita mengambil bahagian dalam soal tuduh-menuduh antara kedua belah pihak. Tuduh-menuduh di antara Iran dan Iraq ini ada berbagai-bagai, jadi Malaysia rasakan tidak bijak kita memihak kepada mana-mana tuduhan tersebut supaya kedudukan kita dalam Jawatankuasa Perdamaian itu tidak terjejas.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri. Ingin

saya tahu mengenai peperangan dua negara Islam ini, Iran dan Iraq yang begitu berlarutan masa, adakah perusahaan perdamaian itu diserahkan kepada OIC atau Jawatankuasa Perdamaian terdiri daripada anggota OIC sahaja, tidak ada kaitan langsung ataupun tidak ada terbabit langsung bagi pihak Bangsa-bangsa Bersatu?

Yang kedua, adakah dua negara ini tidak termasuk daripada anggota Bangsa-bangsa Bersatu? Iran adakah dia daripada anggota Bangsa-bangsa Bersatu, begitu juga Iraq.

Yang ketiga, adakah pandangan bagi pihak OIC bahawa peperangan dua negara Islam ini adalah satu langkah-langkah dipermainkan oleh negara-negara besar seperti Amerika dan Russia demi untuk menjual senjata kepada dua negara Islam ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa usaha untuk menamatkan perang Iran/Iraq ini bukan sahaja telah diusahakan oleh OIC tetapi juga oleh badan-badan dunia yang lain seperti Persatuan Negara-negara Berkecuali yang telah pun memutuskan beberapa kali dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu juga. Dan sebagaimana kita tahu Iran dan Iraq adalah ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Memang kita ketahui dan OIC juga ketahui bahawa kalau ikut kepentingan kuasa-kuasa besar sudah tentulah mereka ingin supaya peperangan ini dapat berterusan supaya perpaduan dunia Islam ini terus menerus terjejas dan supaya kita tidak dapat meningkatkan usaha-usaha untuk kesejahteraan ummah.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Soalan tambahan. Peperangan di antara dua negara Islam ini telah berlarutan dan memakan masa serta harta-benda dan nyawa yang banyak.

Saya ingin minta penjelasan daripada mesyuarat-mesyuarat yang telah bertanggung beberapa kali bagi mendamaikan dua negara ini, apakah cadangan atau formula-formula yang telah dipakai oleh jawatankuasa pendamai ini yang sampai sekarang belum dapat diterima oleh kedua pihak itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, formula-formula atau cadangan yang telah pun dibuat oleh berbagai-bagai mesyuarat jawatankuasa pendamai ini adalah berbagai-bagai, setengah daripadanya sudah pun diistiharkan beberapa kali dan ada pula yang lain itu yang tidak diisytiharkan kerana adalah dirasakan lebih bijak kalau kita tidak isytiharkan dan kita sampaikan sahaja pandangan itu kepada negara masing-masing untuk mereka berfikir.

Dalam sidang damai yang kelapan yang baru berlalu mereka telah pun mendapat beberapa rumusan yang saya rasa rumusan-rumusan itu tidak diisytiharkan tetapi akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan dan saya rasa eloklah dan bijak kita teruskan keadaan ini.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang. Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan berbagai-bagai usaha telah dibuat oleh pihak negara-negara OIC tetapi hasilnya adalah negatif. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setelah sekian lama bermesyuarah atau mesyuarat, ahli-ahli OIC ini sudahkah mereka mendapat ataupun menemui soal pokok. Apakah soal pokok yang boleh atau yang mencetuskan persengketaan kedua negara Islam ini. Mungkin kalau soal pokok ini, kalau boleh, saya ingin supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan dan pada pandangan saya kalau sekiranya soal pokok ini dapat diselesaikan, mungkin tidak lagi

menjadi alasan untuk negara ini meneruskan perjuangan yang merugikan itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal pokok mengenai peperangan ini adalah berbagai-bagai. Sebenarnya itu mengikut kepada negara yang berkenaan yang membuat pentafsiran. Jadi, oleh sebab itulah kita rasa usaha untuk menamatkan peperangan ini begitu rumit sekali dan sebagaimana yang telah saya nyatakan soat pokok itu berbagai-bagai, tidak ada satu soal pokok yang mana kita semua bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang. Saya benarkanlah kerana Yang Berhormat menjawab sekali ini untuk soalan-soalan yang akan berbangkit pada empat hari.

Tuan Haji Azharul bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri kata bahawa usaha-usaha bagi perdamaian Jawatankuasa OIC tidak berjaya, Negara Berkecuali juga United Nations telah dibawa. Ini adalah kuasa-kuasa besar yang mencucuk daripada belakang mereka. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi tidak ada cadangan mereka untuk hendak memberhentikan tetapi mengajak meneruskan lagi peperangan ini. Siapakah di belakang Iraq dan siapakah di belakang Iran? Kalau dapat Dewan ini diberitahu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya rasa kita sedia maklum bahawa semua kuasa-kuasa besar inginkan peperangan ini berlarutan, sebab ini memang merugikan dunia Islam. Jadi, kita sama-sama fahamlah tentang siapakah kuasa-kuasa besar yang berkenaan. Saya rasa dalam usaha untuk mencapai suatu

penyelesaian mengenai peperangan ini, lebih elok kita tidak sahaja namakan kuasa-kuasa besar yang berkenaan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

9. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Negeri China pada penghujung November nanti, dan adakah beliau akan berunding dengan Kerajaan Negeri China berkenaan Perdagangan secara terus menerus, misalnya tidak lagi melalui PERNAS dan memansuhkan A.P. dan perhubungan tidak lagi di peringkat Kerajaan sama Kerajaan saja, bahkan dilonggarkan supaya rakyat kedua-dua negeri bebas saling kunjung mengunjung.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, di antara tujuan-tujuan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada bulan November, 1985 yang akan datang ialah untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin negara itu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan perdagangan dan ekonomi duahala. Ini termasuklah juga usaha untuk meningkatkan perdagangan secara terus di antara kedua-dua negara yang selama ini masih belum tercapai dengan sepenuhnya. Program muktamad mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini masih sedang disiapkan.

Anggapan bahawa peranan PERNAS dan sistem perlesenan bagi pengimportan barang-barang dari China ke Malaysia itu sebagai penghalang dalam usaha untuk meningkatkan perdagangan secara terus dengan China, adalah tidak

benar. Sebaliknya sistem itulah yang sebenarnya boleh menjamin dan memastikan perdagangan secara terus dapat dilaksanakan di antara kedua-dua negara. Ini dapat dibuktikan dari angka-angka import Malaysia dari China yang terus meningkat pada setiap tahun, meskipun sistem perlesenan itu dikuatkuasakan. Sebaliknya eksport Malaysia ke China tidak berkembang sungguhpun tiada sistem perlesenan dikenakan. Umpamanya, pada tahun 1974 import Malaysia dari China cuma bernilai \$492.9 juta. Ianya telah meningkat pada tahun 1983, dan pada tahun 1984 masing-masing bernilai \$625.8 juta dan \$669.6 juta.

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar hubungan yang ada sekarang yang hanya dibuat pada peringkat Kerajaan dengan Kerajaan dan tidak di antara rakyat dengan rakyat. Walau bagaimanapun, baru-baru ini Kerajaan Malaysia telah pun memberikan ketonggaran kepada para pedagang tempatan untuk membuat lawatan persendirian ke China atau tujuan ekonomi dan perdagangan setelah diluluskan oleh pihak Kementerian ataupun Jabatan yang berkenaan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dasar-dasar perdagangan yang akan dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Kerajaan China. Adakah dasar-dasar yang telah dibocorkan oleh sebuah majallah iaitu majallah Far Eastern Economic Review ataupun dasar baru yang dicadangkan yang akan dibincangkan dengan pihak negeri China itu.

Soalan yang kedua, kita dapat tahu Ketua Pengarang majallah yang berkenaan (Far Eastern Economic

Review) telah didapati salah dan dihukum. Apakah tangkah-langkah Kerajaan dibuat untuk mencari sumber mana maklumat itu didapati oleh Ketua Pengarang Far/Eastern Economic Review dan kemungkinan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Kementerian yang berkenaan itu terlibat. Apakah langkah-langkah Kerajaan yang telah diambil untuk menyiasat dan menghukum mereka yang terlibat yang telah membocorkan rahsia kepada sebuah majallah asing.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan pertama berkait. Soalan kedua, dukacita Yang Berhormat, saya memutuskan tidak berkait. Sila teruskan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang saya

Timbalan Yang di-Pertua: Saya kata dukacita, sebab Yang Berhormat selalu bantu kita. Terima kasih.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sebagaimana yang saya maklumkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa perbincangan-perbincangan yang mungkin akan dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pihak pemimpin-pemimpin China adalah meliputi banyak aspek dan satu daripadanya ialah aspek ekonomi dan perdagangan dan ini menyeluruh terutama untuk menekankan betapa perlunya usaha dijalankan bagi mempertingkatkan jumlah dan juga kadar perdagangan di antara Malaysia dan China.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa kita masih belum berpuas hati tentang penilaian ataupun volume perdagangan di antara kita dengan China yang lebih menguntungkan China selama ini dan juga usaha untuk meningkatkan perdagangan secara terus yang masih belum dapat kita jayakan dengan sepenuhnya kerana

sikap dan amalan negara China yang masih lagi memberikan keutamaan kepada agen-agen pengedaran dan agen-agen rasmi yang dilantik bukan daripada negara kita bahkan negara ketiga seperti Hong Kong dan juga Singapura. Saya percaya aspek-aspek ini akan ditekankan dan saya tidak pasti apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang dasar baru perdagangan dengan negara China itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, imbalan perdagangan antara Malaysia dan negeri China selama-lamanya menguntungkan negeri China dan keuntungan itu bukan sedikit tetapi banyak dan nampaknya jurang keuntungan itu makin tahun makin meningkat menguntungkan di sebelah China. Soalan saya, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membawa beberapa cadangan yang konkrit untuk membetulkan keadaan ini?

Soalan saya yang kedua ialah sama ada Malaysia bercadang untuk mengurangkan import daripada negeri China dalam usaha membetulkan keadaan jurang yang tidak seimbang ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat amat berminat tentang soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pun terperanjat sebentar tadi bagaimana Timbalan Menteri sudah pindah sebelah sini! (*Ketawa*). Silakan Yang Berhormat.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang saya sebutkan sebenarnya lawatan belum lagi dilakukan dan saya percaya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Terengganu tadi pasti akan

merupakan sebahagian daripada topik-topik penting yang akan dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Soalan kedua sama ada kita patut mengurangkan import, saya fikir kita perlu melihat dalam konteks yang lebih luas, bukan soal pengimportan yang perlu dikurangkan tetapi bagaimana nilai perdagangan dua hala dapat dipertambah dan dipertingkatkan. Bermakna kalau kadar import itu sudah dapat dikekalkan dan di samping itu China membuka pasarannya yang lebih luas kepada barang-barang yang dihasilkan oleh negara kita, bukan sahaja dari segi komoditi tetapi barang-barang yang disiapkan, disediakan dan dikeluarkan oleh kilang-kilang Malaysia sudah pasti nilai ataupun kadar eksport kita akan bertambah lebih daripada apa yang kita telah lakukan pada masa-masa yang lepas.

GURU PELATIH DI MAKTAB LATIHAN PERGURUAN

10. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) dasar-dasar yang diamalkan dalam membuat kuota bagi negeri-negeri untuk memilih guru-guru pelatih yang dimasukkan ke Maktab-maktab Latihan Perguruan; dan
- (b) bilangan kekurangan atau lebihan guru terlatih bagi tiap-tiap negeri sekarang.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan bahagian (a), sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Pelajaran tidak menggunakan sebarang kuota bagi memilih guru-guru pelatih untuk memasuki Maktab-maktab Perguruan. Walau

bagaimanapun, Kementerian Pelajaran ada memberi keutamaan kepada calon-calon tempatan di Sabah dan Sarawak untuk Maktab-maktab Perguruan di kedua-dua negeri tersebut. Calon-calon dari kawasan pendalaman juga adalah diberi pertimbangan khas dalam pemilihan tersebut dan pada waktu ini Kementerian Pelajaran sedang memberi pertimbangan kepada satu kaedah baru pengambilan pelatih-pelatih untuk Maktab Perguruan yang diasaskan kepada keperluan sesuatu negeri iaitu bagi negeri-negeri yang banyak sekali kekosongan jawatan kekurangan guru maka calon-calon daripada negeri itu bolehlah dilebihkan.

Bagi soalan yang kedua iaitu bahagian (b) oleh sebab banyak sangat statistik yang hendak saya baca mungkin tidak sempat langsung, dan izinkanlah saya sampaikan statistik ini secara bersurat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4 dan 11 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

KOMODITI TEMPATAN— PENGGUNA

1. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah peratusan pengguna-pengguna tempatan bagi komoditi-komoditi yang berikut:

- (i) kelapa sawit.
- (ii) bijih timah.
- (iii) getah.
- (iv) koko.
- (v) lada hitam.

(b) memandangkan kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia"

yang sedang dijalankan, adakah Kementerian beliau menimbang akan menubuh satu pasukan penyelidikan teknologi untuk mencari lebih kegunaan bagi komoditi-komoditi ini supaya dapat menggalakkan lebih penggunaan tempatan; dan

(c) adakah lebih komoditi tempatan seperti getah dan timah akan digunakan dalam pembuatan kereta kebangsaan Proton Saga.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):

(a) Peraturan penggunaan tempatan bagi beberapa barangan utama berbanding dengan pengeluaran pada tahun 1984 adalah seperti berikut:

- (i) kelapa sawit—5.8%.
- (ii) bijih timah—3.7%.
- (iii) getah—4.5%
- (iv) koko—20%
- (v) lada hitam—1.7%.

(b) Ingin saya maklumkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama terdapat beberapa agensi penyelidikan yang membuat penyelidikan saintifik terhadap barangan utama yang termasuk aspek penggunaan. Agensi-agensi penyelidikan tersebut termasuklah Instituti Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Persatuan Penyelidikan Pengeluar-pengeluar Getah Malaysia (MRPRA) bagi penyelidikan getah asli, Instituti Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) bagi penyelidikan kelapa sawit, dan Instituti Penyelidikan Perhutanan (FRI) bagi penyelidikan kayu-kayan dan perhutanan selain daripada Instituti Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITRI) bagi timah. Di samping itu, Instituti

Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bertanggungjawab mengenai penyelidikan pertanian dan ternakan. Institusi-institusi penyelidikan ini telah, sedang dan akan bemsaha menjalankan berbagai bidang penyelidikan untuk memperluaskan lagi penggunaan barangan utama Malaysia. Di samping itu, agensi-agensi ini akan terus memberi bantuan kepada industri-industri tempatan yang sedia ada atau baru untuk meningkatkan penggunaan bahan-bahan utama negara. Oleh yang demikian, adalah didapati bahawa penubuhan Pasukan Penyelidikan Komoditi ini seperti yang dicadangkan adalah tidak perlu.

- (c) Saya telah difahamkan pada masa ini dalam pembuatan kereta Proton Saga, barang utama tempatan seperti getah turut digunakan untuk tayar dan tikar pelapik getah (rubber mat). Saya juga telah difahamkan usaha-usaha sedang dibuat oleh HICOM untuk menambahkan lagi penggunaan barangan tempatan seperti getah dan timah dalam pembuatan kereta tersebut supaya kandungan barangan buatan tempatan dapat ditambah lagi. Pada peringkat permulaan hampir 30% daripada komponen adalah buatan tempatan dan pada awal tahun hadapan angka ini dijangka akan meningkat ke paras 42%.

BEKALAN AIR MINUM DI LUAR BANDAR

4. Dr Leo Micheal Toyad minta Menteri Pembangunan Negara dan

Luar Bandar menyatakan beberapa peratus dari bilangan penduduk luar bandar telah mendapat bekalan air minum di negara ini. Dan apakah sumber air yang akan digunakan di kawasan persisiran di mana tidak adanya air bukit dan air sungainya masin.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Sehingga akhir Rancangan Malaysia Keempat ini adalah dijangkakan kira-kira 60% daripada penduduk di kawasan luar bandar telah dan akan mendapat bekalan air bersih. Berhubung dengan soalan Yang Berhormat mengenai sumber air di kawasan persisiran pula, Kementerian saya sedar tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan berkenaan dan segala usaha sedang dibuat untuk mengatasi masalah ini. Masalah ini sedang dihadapi di kawasan Barat Sarawak dan Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak sedang membuat kajian kemungkinan menggunakan sumber air bawah tanah sebagai punca air kawasan tersebut.

AKAUN SEMASA DALAM BANK

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa pengguna-pengguna yang mempunyai akaun-akaun semasa dalam bank-bank tidak dibayar faedah harian atas akaun mereka kerana inilah prosedur yang diamalkan dalam sebuah sistem bank yang moden.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sedang mengkaji implikasi-implikasi pembayaran faedah ke atas akaun-akaun semasa memandangkan

perkara ini akan memberi kesan ke atas sistem kewangan negara.

KEMPEN ANTI-NASIONAL BAGI PELAJAR-PELAJAR

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan di negara manakah didapati berleluasanya kempen anti-nasional berlaku di kalangan para pelajar kita, dan apakah langkah-langkah yang dijalankan untuk membasmi kempen tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Pada masa ini terdapat segelintir pelajar-pelajar kita terutama di Amerika Syarikat yang mengkritik Kerajaan secara melulu oleh kerana mereka tidak memahami dasar-dasar Kerajaan yang sebenarnya.

Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengawasi Persatuan-persatuan serta aktiviti-aktiviti pelajar-pelajar kita. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

1. Menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar Luar Negeri di peringkat Kebangsaan.
2. Memperkemaskan dan memperkukuhkan jentera pentadbiran Jabatan Penuntut Malaysia untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan.
3. Mengadakan kursus orientasi dan reorientasi bagi semua pelajar.
4. Membekalkan berita dan maklumat dalam negeri kepada pelajar-pelajar.
5. Menggalakkan pemimpin-pemimpin tanah air untuk berjumpa dan berdialog dengan pelajar-pelajar.

RED TAPE MENJEJASKAN PELABURAN

13. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar terdapat sungutan-sungutan para usahawan mengenai "red-tape" di Jabatan-jabatan Kerajaan yang tidak memupuk suasana pelaburan baik dari pelabur tempatan maupun luar negeri;
- (b) apakah Kerajaan telah mengenalpastikan "red-tape" yang menjejaskan suasana pelaburan; dan
- (c) jika ya, apakah tindakan yang akan diambil ke arah mempercepatkan pemulihan ekonomi kita.

Datuk Dr James P. Ongkili:

- (a) Kerajaan memang menyedari adanya sungutan-sungutan dari para usahawan mengenai "red-tape" di Jabatan-jabatan Kerajaan yang menganggap telah mengakibatkan kelewatan atau menjejaskan pembangunan. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyedari bahawa beberapa peraturan kadangkala perlu dirangka untuk memastikan matlamat Kerajaan boleh dicapai. Untuk tujuan ini beberapa tatacara (prosedur) pentadbiran mesti dilalui sebelum sesuatu keputusan dapat dibuat. Kerajaan memandang berat ke atas kelewatan yang sepatutnya tidak harus berlaku.
- (b) Kerajaan memahami bahawa "red-tape" mungkin akan menjejaskan suasana pelaburan dan oleh itu Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan "red-tape" dan di mana boleh menghapuskannya supaya

usaha-usaha para pelabur dapat dipermudahkan lagi. Di samping itu, Kerajaan melalui beberapa agensinya seperti MAMPU dan Jabatan Perkhidmatan Awam akan terus berusaha untuk memperkenalkan berbagai-bagai teknik pengurusan dalam berbagai bidang untuk meningkatkan kecekapan dan daya penghasilan kerja di Jabatan-jabatan Kerajaan.

- (c) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemerosotan ekonomi negara pada masa ini adalah akibat kemerosotan ekonomi dunia pada keseluruhannya dan sejauh mana ekonomi negara ini akan pulih semula bergantung kepada beberapa cepat ekonomi dunia akan pulih. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara dan di antaranya adalah untuk memastikan supaya suasana pelaburan di negara kita adalah menarik. Di antaranya langkah-langkahnya adalah pengurangan "red-tape" dalam jentera Kerajaan, pengurangan kadar faedah, pengurangan kadar elektrik kepada pengguna-pengguna sektor perindustrian dan penyelarasan penggalakkan perindustrian. Dengan langkah-langkah ini Kerajaan yakin negara kita akan dapat menahan kemerosotan ekonomi negara pada masa ini dan juga mempercepatkan pemulihannya.

PERDAMAIAN DI KAMPUCHEA

14. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri di Luar Negeri menyatakan semenjak Pol Pot telah

berhenti dari jawatannya apakah ada perkembangan yang baik, bagi mencapai perdamaian di Kampuchea.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya mohon Izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 12hb November, 1985 kerana kedua-dua soalan ini adalah bertujuan sama.

Persaraan Pol Pot bolehlah dianggap sebagai satu langkah positif dari pihak Khmer Rouge untuk menyingkirkan apa yang disebut oleh pihak Vietnam selama ini sebagai "penghalang" (obstacle) terhadap sebarang usaha untuk mencapai kedamaian di antara pihak-pihak yang bersengketa dalam masalah Kampuchea. Tetapi pengunduran Pol Pot telah tidak mengubah sikap Vietnam yang sedikit pun tidak bertolak ansur. Persaraan ini juga membuktikan bahawa pejuang-pejuang Kampuchea telah mula menunjukkan bahawa mereka boleh mengeneipkan kepentingan peribadi bagi memajukan kepentingan negara dan bangsa mereka.

Kita berharap pengunduran Pol Pot yang diikuti pula oleh perubahan dalam pucuk pimpinan Khmer Rouge akan mengubah sikap pergerakan tersebut menjadi lebih "moderate" dan dengan itu membawa kepada kerjasama dan persefahaman yang lebih baik di antara puak-puak dalam Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

KURIKULUM KBSR— PERLAKSANAAN

15. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran memberi satu laporan kemajuannya sejak 3 tahun Kurikulum KBSR ini dilaksanakan di sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran memang ada menjalankan pengesanan dan penilaian terhadap sistem KBSR. Daripada pengesanan dan penilaian itu pencapaian murid-murid dalam semua kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira, didapati lebih tinggi jika dibandingkan dengan murid-murid yang mengikuti Kurikulum Lama Sekolah Rendah. Di samping itu murid-murid KBSR juga pada amnya bukan sahaja mempunyai pencapaian kemahiran yang lebih baik tetapi mereka juga lebih aktif dan riang dalam pembelajaran mereka.

PENAGIH DADAH DI LOKAP POLIS

16. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lokap polis adalah dipenuhi oleh penagih-penagih dadah yang disyaki dan sama ada terdapat pusat-pusat "detoxification" ataupun pusat pemulihan untuk menampung penagih-penagih dadah ini dan apakah rancangan-rancangan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sememangnya terdapat lokap-lokap polis yang dipenuhi dengan orang-orang salah termasuklah penagih-penagih dadah yang disyaki. Bilangan mereka yang ditangkap dan ditahan di lokap-lokap polis semakin meningkat dari masa ke semasa dalam usaha kerajaan memerangi wabak dadah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga pada masa ini terdapat 14 buah pusat ditoksifikasi kebanyakannya di hospital-hospital seluruh negara yang boleh menampung seramai 411 orang penagih dadah sementara bilangan

Pusat-pusat Pemulihan Dadah kerajaan pada masa ini pula berjumlah enam buah yang boleh menampung seramai 1,750 orang pelatih pada satu-satu masa.

Kerajaan juga sememangnya ada rancangan untuk menambah pusat-pusat pemulihan di seluruh negara. Sebuah pusat pemulihan baru di Sungai Petani yang boleh menampung seramai 300 orang pelatih dijangka akan dibuka dalam bulan November 1985. Selain itu Kementerian Dalam Negeri juga merancang untuk membina sembilan buah pusat pemulihan baru di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang dijangka dapat menampung seramai 1,900 orang pelatih.

PENERBANGAN ANTARABANGSA PULAU PINANG

17. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) bilangan penerbangan antarabangsa yang terus setiap minggu ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang semenjak tahun 1982, 1983, 1984 dan 1985; dan
- (ii) sama ada Kerajaan bercadang untuk menambah penerbangan-penerbangan sedemikian untuk memperkenalkan pelancongan di Pulau Pinang.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Pada masa sekarang terdapat lima buah syarikat penerbangan yang menjalankan perkhidmatan antarabangsa berjadual ke dan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Syarikat-syarikat itu ialah Malaysian Airline System, Singapore Airlines, Garuda Indonesian Airways, Thai Airways dan Cathay Pacific Airways. Bilangan

penerbangan-penerbangan yang dibuat adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penerbangan Antarabangsa
1982	66 minggu
1983	65 minggu
1984	65 minggu
1985	67 minggu

Kerajaan sememangnya menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa untuk mengada atau menambahkan penerbangan-penerbangan mereka ke lapangan-terbang-lapanganterbang di Malaysia. Selain daripada perkhidmatan-perkhidmatan berjadual antarabangsa, Kementerian Pengangkutan jua menggalakkan penerbangan-penerbangan sewa khas atau "charters" yang membawa pelancong-pelancong luar negeri untuk datang melawat ke Malaysia. Walau bagaimanapun, sama ada syarikat-syarikat penerbangan tersebut bercadang untuk mengadakan penerbangan-penerbangan ke Malaysia adalah terpulang kepada minat mereka masing-masing.

HARGA GETAH—MEMPERBAIKI

18. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang Kementerian untuk memperbaiki harga getah yang sekarang ini di tahap yang rendah.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan ini adalah hampir serupa dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai pada 23hb Oktober, 1985. Soalan tersebut telah pun dijawab dan dengan itu saya tidak bercadang untuk menambahnya lagi.

ROMPAKAN DI LAUTAN TERENGGANU

19. Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A. Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah rompakan yang berlaku di lautan berdekatan Terengganu dilakukan oleh pendatang haram.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Sebanyak 4 kes rompakan di laut telah dilakukan ke atas nelayan-nelayan Malaysia di perairan berhampiran negeri Terengganu dalam tahun ini.

Dari siasatan yang telah dijalankan dengan berpandukan maklumat yang telah diperolehi dari mangsa-mangsa kejadian tersebut, adalah dipercayai bahawa kesemua kejadian tersebut telah dilakukan oleh rakyat Vietnam.

Untuk mengatasi masalah ini suka saya memberi jaminan beberapa langkah pencegahan seperti rondaan-rondaan oleh Polis Marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia telah pun diperhebatkan untuk memberi perlindungan lebih rapi kepada nelayan-nelayan kita dari diganggu oleh anasir-anasir tersebut.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA—RUNDINGAN

20. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkara-perkara yang akan dirundingkan dengan pihak pemimpin-pemimpin Cina dalam lawatannya ke Negeri China dalam bulan November ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini sekaligus dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Ipoh pada 28hb Oktober, 1985 dan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 28hb November, 1985 memandangkan

persamaan soalan tersebut yang dikemukakan kepada saya.

Saya menjangka membuat lawatan rasmi ke China pada pertengahan bulan November 1985 dan ahli-ahli rombongan yang akan mengikuti lawatan ini belum lagi ditetapkan. Selain dari membalas lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia pada tahun 1981, beberapa isu dua hala, serantau dan antarabangsa adalah perkara-perkara yang akan dibincangkan dengan pemimpin-pemimpin China.

Isu ekonomi dan perdagangan dijangka menjadi tumpuan perbincangan dua hala kerana memandangkan Malaysia sentiasa mengalami pengurangan perdagangan dengan China, Dalam konteks ini saya akan menyentuh cara-cara yang konkrit serta positif untuk membetulkan ketidak-seimbangan ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, hasil dari program pemodenan China, terdapat beberapa potensi di dalam bidang perdagangan dan ekonomi di mana Malaysia mestilah berusaha mengambil kesempatan untuk mengurangkan perbezaan perdagangan yang ada sekarang. Maka dengan ini saya akan menyatakan hasrat saya kepada pemimpin-pemimpin China supaya pengusaha-pengusaha Malaysia diberi peluang sama untuk mengambil bahagian di dalam projek-projek program pemodenan tersebut yang boleh mendatangkan faedah bersama.

Diharap lawatan saya kelak, maksud ini akan tercapai untuk meningkatkan hubungan dua hala di dalam bidang perdagangan dan ekonomi. Di samping itu kita tidak lupa, bahawa China juga mempunyai potensi yang boleh menjejaskan keselamatan di rantau ini. Maka dengan ini saya akan mengutarakan rasa kebimbangan kita terhadap sokongan China yang berterusan

kepada Parti Komunis Malaya serta unsur-unsur dengan China yang akan menjejaskan keselamatan dan perpaduan negara.

Berhubung dengan isu serantau, isu Kampuchea akan menjadi isu utama di dalam perbincangan saya dengan pemimpin China.

UNIVERSITI TEMPATAN— PELUANG KENAIKAN PANGKAT

21. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai di antara para akademik di Universiti-universiti lari untuk bekerja di sektor swasta kerana merasa kecewa dengan terbatasnya peluang-peluang kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan Profesor Madya dan Profesor walaupun pencapaian mereka adalah baik dan tempoh perkhidmatan mereka adalah lama. Adakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan situasi ini untuk mengekalkan perkhidmatan mereka serta menarik para akademik dan penyelidik yang cemerlang ke Universiti-universiti tempatan demi faedah pelajar-pelajar dan negara kita pada keseluruhannya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jawatan-jawatan Profesor dan Profesor Madya adalah merupakan jawatan-jawatan kenaikan pangkat. Sebagaimana yang termaklum, jawatan-jawatan kenaikan pangkat adalah terhad.

Kementerian Pelajaran sedar ada sebilangan Profesor dan Profesor Madya meletakkan jawatan untuk bekerja dalam sektor swasta, oleh kerana tarikan gaji yang lebih lumayan. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang tidak dapat bersaing dengan sektor swasta dalam pemberian gaji yang lumayan ini. Walau bagaimanapun perpindahan pegawai-pegawai dari sektor awam ke

sektor swasta sangat ketara dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia, di mana peluang bagi orang-orang berkelulusan tinggi adalah luas.

PENEROKA FELDA/FELCRA

22. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberitahu jumlah peneroka yang sedia ada di FELDA dan FELCRA setakat 1-9-85 dengan memberikan angka-angka menumt perpecahan kaum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Sehingga 1hb September, 1985 seramai 89,391 peneroka telah ditempatkan di 237 buah rancangan FELDA di mana pecahannya adalah seperti berikut:

<i>Bangsa</i>	<i>Bil. Peneroka</i>
Melayu	86,585
Cina.. .. .	1,286
India	1,482
Lain-lain	38
JUMLAH ..	89,391

Bagi rancangan FELCRA pula sehingga 1hb September, 1985 seramai 40,955 peneroka telah diambil. Pecahannya ialah seperti berikut:

<i>Bangsa</i>	<i>Bil. Peneroka</i>
Melayu	39,101
Cina.. .. .	549
India	3 2 7
Lain-lain	978
JUMLAH ..	40,955

KILANG INDUSTRI BERAT/ RINGAN—PENCEMARAN

23. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) bilangan kilang—
 - (i) industri berat; dan
 - (ii) industri ringan yang didapati/disyaki mencemarkan alam sekitar dengan sulfur dioksida serta dengan nitrogen oksida di merata negara sejak tahun 1980 hingga bulan September, 1985;
- (b) tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengawal pencemaran udara oleh kilang-kilang tersebut;
- (c) kesan-kesan buruk ke atas kesihatan para pekerja kilang, orang ramai yang tinggal berdekatan serta ekologi alam sekitar yang telah dilaporkan;
- (d) tindakan yang telah diambil oleh para usahawan untuk menjaga kesihatan para pekerja dan orang ramai di samping mengekalkan ekologi alam sekeliling; dan
- (e) bilangan kes penjejasan kesihatan—
 - (i) para pekerja;
 - (ii) orang ramai; serta
 - (iii) ekologi alam sekitar yang telah dilaporkan sejak tahun 1980 hingga tahun ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):

- (a) Bilangan industh-industri yang menggunakan peralatan pemerosesan yang mengeluarkan bendasing udara sulphur

dioksida serta nitrogen oksida di negara ini mengikut klasifikasi industri MIDA adalah seperti berikut:

industri berat—1,200

Industri ringan—800

Jumlah ini termasuklah kilang-kilang yang menggunakan bahan bakar api minyak, stesen-stesen janakuasa letrik, loji-loji asid dan kilang-kilang penapis minyak.

Setakat ini, kilang-kilang tersebut didapati mematuhi standard-standard pelepasan yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

- (b) Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah, sedang dan akan terus menjalankan penguatkuasaan ke atas semua kilang untuk memastikan bahawa mereka mematuhi peraturan-peraturan kawalan pencemaran.

Sejak tahun 1980 hingga bulan September 1985, belum ada kilang yang dikenakan tindakan undang-undang berhubung dengan pelepasan sulfur dioksida dan nitrogen oksida.

- (c) Mengikut laporan daripada Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Buruh, kedua-dua pencemaran oleh sulphur dioksida dan nitrogen oksida belum lagi menyebabkan apa-apa masalah mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di dalam kilang. Juga mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar, tiada sebarang laporan diterima mengenai kesan buruk terhadap ekologi alam sekitar atau kejejasan kesihatan orang

ramai oleh pencemaran sulfur dioksida dan nitrogen oksida.

- (d) Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Buruh adalah bertanggungjawab ke atas kesihatan para pekerja dalam kilang-kilang. Pengusaha-pengusaha pula sedang mengambil tindakan perlu bagi mengawal masalah pencemaran oleh aktiviti-aktiviti perusahaan masing-masing dengan cara pemasangan alat-alat kawalan, sistem-sistem pengolahan dan sebagainya. Jabatan Alam Sekitar senantiasa mengawasi perkara ini dari masa ke masa.
- (e) Mengikut rekod-rekod Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kilang dan Jentera, tiada kes penjejasan kesihatan ke atas para pekerja, orang ramai serta ekologi alam sekitar oleh sulfur dioksida dan nitrogen oksida dilaporkan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat persidangan hari ini, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 25hb Oktober, 1985.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat persidangan hari ini, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 25hb Oktober, 1985, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat persidangan hari ini, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 25hb Oktober, 1985.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kanun Keseksaan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG- UNDANG

(PERKAHWIMAN DAN PERCERAIAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (23hb Oktober, 1985).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sila teruskan jawapan dan menggulung perbahasan di peringkat bacaan kali kedua.

3.38 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sewaktu persidangan ditamatkan semalam, saya sedang membuat ulasan terhadap beberapa pandangan serta teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sewaktu menyambung ulasan ini memberi ulasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut yang mana beliau telah membangkitkan soal mengapa diadakan had pemegang saham sebanyak 20% bagi syarikat-syarikat dan koperasi dan 10% bagi individu. Yang Berhormat dari Jerantut juga mahu tahu sama ada hak pemegangan saham ini dikenakan kepada Kerajaan ataupun agenst Kerajaan yang mana ada pegangan yang melebihi had ini. Seterusnya Yang Berhormat dari Jerantut mahu tahu sama ada langkah ini memberi kesan buruk ke atas langkah-langkah penyusunan semula

bank-bank asing, dan juga mahu tahu tafsiran individu di dalam cadangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini sebenarnya adalah bertujuan memperuntukkan 20% bagi syarikat-syarikat dan koperasi dan 10% bagi individu yang bertujuan untuk menentukan supaya tidak terdapat mana-mana satu pemegang saham bank yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi pengurusan bank itu sendiri kerana ketika ini terdapat beberapa keadaan di mana pemegang-pemegang saham yang besar yang telah menyalahgunakan kuasa mereka. Di samping itu kejadian-kejadian pengambilalihan saham-saham bank-bank dan pertukaran di dalam pengurusan mungkin menjejaskan kedudukan bank-bank dan melemahkan kepercayaan orang ramai ke atas sistem kewangan di negara kita ini. Oleh itu kita berpendapat bahawa wajar keadaan ini dikawal.

Selain daripada alasan yang telah diberikan, saya ingin juga di waktu yang sama mengulas satu pandangan daripada seorang Ahli Yang Berhormat yang membayangkan kononnya Seksyen 23B ini dimasukkan ke dalam semakan ini bagi mengelakkan keadaan bersabit dengan cubaan pihak MIC mengambil alih UAB ataupun mungkin didorong oleh skandal BMF.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun saya terangkan sebentar tadi, maka itu saya berharap sangatlah Ahli atau Ahli-ahli yang berkenaan berpuas hati dengan penerangan ini. Dalam pada itu Kerajaan sedar bahawa ada beberapa pemegang saham bank yang perlu dikaji dan jika sesuai dikecualikan dari had yang telah ditetapkan di dalam seksyen 23B ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen 27E, Menteri Kewangan

boleh memberi pengecualian daripada peruntukan Seksyen 23B ini. Oleh yang demikian kepentingan-kepentingan pihak tertentu akan diambil kira sekiranya didapati sesuai dan bagi agensi-agensi Kerajaan dan pihak berkuasa yang ditubuhkan dengan tujuan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dikecualikan daripada peruntukan ini. Maka sekiranya sesuatu kes itu mempunyai merit untuk pengecualian, Menteri Kewangan boleh memberi pengecualian. Sekiranya difikirkan perlu dan supaya bank-bank asing dikecualikan untuk menggalakkan proses penyusunan semula, ini akan diberi pertimbangan sewajarnya. Mengenai tafsiran individu.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penjelasan diminta.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu penjelasan oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila memberi keterangan mengenai kuasa exemption yang ada di sini khasnya ada menyebut mengenai penyusunan bank-bank asing. Di sini saya ingin bertanya ialah kita semua tahu bahawa dua bank asing ialah Chartered Bank dan Hongkong and Shanghai Bank, ada satu masa sudah diambil tindakan dan kalau tidak silap disetujui oleh Kerajaan mengenakan jadual atau cara untuk menyusun semula dan oleh kerana Kerajaan satu masa tidak ada wang untuk mengambil alih syer-syer dalam proses penyusunan semula, saya mahu tanya ialah, dalam jadual untuk penyusunan Chartered Bank dan Hongkong and Shanghai Bank adakah jadual itu melanggar peruntukan baru 23B dan perlu exemption daripada Minister atau tidak akan menyentuh atau akan dibawa peruntukan-peruntukan ialah tidak ada satu individu akan mendapat lebih daripada 10% dan syarikat atau

perbadanan tidak lebih daripada 20%. Sama ada Hongkong and Shanghai Bank atau Chartered Bank, skim penyusunan mereka akan melanggar 23B dan perlu exemption atau tidak?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, sekiranya perlu, sekiranya sesuai dan sekiranya keadaan memerlukan, Menteri Kewangan boleh menggunakan kuasa ini untuk mengecualikan mana-mana pemegang saham, ini termasuklah kalau sekiranya perlu sewaktu penyusunan, bukan sahaja Chartered Bank ataupun Hongkong Bank, tetapi mana-mana bank asing yang menjalankan perniagaannya di sini diberi pengecualian. Dalam pada itu sukalah saya menerangkan sedikit kerana telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya penyusunan semula Chartered Bank atau Hongkong Bank ini tidak diteruskan pada ketika ini sebab kedua-dua bank tersebut merupakan bank yang besar. Kalau sekiranya disusun semula ertinya dibeli sebahagian sahamnya oleh sama ada Kerajaan ataupun rakyat Malaysia ataupun mana-mana syarikat Malaysia, katalah kita mengambil alih lebih daripada 50%, ertinya ini sebahagian besar wang dalam negara terpaksa dibayar kepada bank ini dan bank ini boleh membawa wang itu keluar.

Memandangkan keadaan ekonomi yang tidak begitu baik ini, maka itu pernah kita menyatakan dahulu, bukan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi di tempat-tempat lain, supaya penyusunan semula itu tangguhkan dahulu sehingga keadaan ekonomi lebih sesuai, lebih baik daripada keadaan sekarang. Boleh saya teruskan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Daripada jawapan atau keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah saya sekali lagi minta satu penjelasan mengenai penyusunan Chartered Bank atau Hongkong and Shanghai Bank daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Adakah ini bererti bahawa penyusunan Chartered Bank dan Hongkong and Shanghai Bank tidak akan diteruskan dalam tempoh NEP sebelum 1990 dan akan ditangguh selepas 1990 atau sebelum itu?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kaitan dengan perkara yang saya hendak terangkan. Tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya terangkan, bila-bila saya boleh terangkan tetapi tidak ada kaitannya dengan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya keberatan suruh-suruh orang Yang Berhormat. Saya serah kepada Yang Berhormat untuk memutuskan sendiri sama ada hendak jelas atau tidak. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato Sabbaruddin Chik: Saya putuskan tidak payah terangkanlah. Tuan Yang di-Pertua, mengenai tafsiran individu yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, inginlah saya maklumkan bahawa mengikut tafsiran yang kita faham di sini individu yang telah diperluaskan merangkumi mereka yang ada hubungan keluarga dan sebagainya. Ini difikirkan perlu bagi mengelakkan concealed holdings oleh mana-mana pihak yang akan menjejaskan matlamat Seksyen 23 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian itu beberapa Ahli juga telah membangkitkan Seksyen 27AA iaitu mengenai kuasa Menteri Kewangan di bawah seksyen ini yang dianggap sebagai begitu luas dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar

mahu mengetahui tafsiran tanggungan yang mana saya tidak sempat memberi penerangan semalam di waktu menyentuh perkara 27AA ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan pemberian kredit yang keterlaluan yang akan menjejaskan kedudukan kewangan bank, kawalan pemberian kredit hendaklah dibuat daripada awal-awal lagi dan diikuti dengan teliti. Dengan yang demikian kita berpendapat bahawa wajar Menteri Kewangan diberi kuasa-kuasa yang perlu bagi mengawal keadaan ini. Saya fikir kuasa ini adalah sejajar dengan tujuan seksyen yang telah kita masukkan di dalam pindaan ini, seksyen ini juga boleh dipakai kepada pengurus-pengurus cawangan-cawangan bank.

Seperti saya katakan tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mahu tahu tafsiran tanggungan, inginlah saya memaklumkan iaitu tanggungan ini dilihat daripada tanggungjawab bank, tanggungjawab bank kepada, dengan izin, creditors dan juga depositors,

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan beberapa pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai seksyen 39A, walaupun semalam saya telah menyebut sedikit tentang sama ada Bank Negara akan memegang saham yang dibelinya melalui seksyen ini secara permanent, secara berterusan dan juga kalau tidak silap saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menganggapkan ini satu tjdakan yang, dengan izin, back-door riationalisation, perkataan yang telah digunakannya semalam, ataupun cara dihakmilikkan melalui pintu belakang dan juga mahu tahu mengenai siapa yang akan menentukan pembeli-pembeli saham apabila bank ini menjual balik saham-sahamnya yang telah diambil oleh Bank Negara-.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara sememangnya tidak bermaksud

memegang saham-saham ini secara tetap. Seperti yang disebutkan di bawah seksyen 39(A) (2), Bank Negara hendaklah melupuskan syer-syernya apabila sahaja Bank Negara berpuas hati bahawa sebab-sebab pengambilalihan syer-syer tadi tidak wujud lagi. Dan dengan itu juga saya tidak nampak bagaimana perkara ini boleh dianggap sebagai satu keadaan hendak mehakmilikkan melalui pintu belakang ataupun seperti perkataan yang dipakai dengan izin, back-door nationalisation, oleh kerana pembelian ini merupakan pembelian sementara sahaja khususnya bagi mengatasi masalah-masalah yang tertentu mengikut keadaan-keadaan tertentu tadi. Seterusnya juga Bank Negara dikehendaki oleh undang-undang melupuskan syer-syer yang dibeli olehnya itu sebaik sahaja keadaan pulih seperti sebelum kejadian pengambilalihan ini dibuat.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memaklumkan bahawa sebelumnya Bank Negara bertindak di bawah seksyen ini ianya dikehendaki menentukan dahulu bahawa keadaan yang ditetapkan oleh undang-undang yang terdapat mengikut seksyen 39A ini berlaku dan hanya boleh bertindak sekiranya ada kemungkinan bahawa bank itu tidak berupaya menunaikan liabilitynya ataupun sesuatu bank itu hendak menggantung pembayarannya dan seperti saya sebutkan semalam.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua: Minta penjelasan. Silakan.

Tuan Lee Lam Thye: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Semalam dalam ucapan saya apabila saya

membahaskan Rang Undang-undang yang berkenaan, dan apabila saya menyebut masalah tentang kemungkinan wujudnya dasar memiliknegarakan menerusi pintu belakang, yang saya bermaksud ialah berkenaan dengan pemilikan syer sekarang terhad kepada 20% untuk syarikat-syarikat iaitu mengenai pemegangan syer untuk individu yang berjumlah 10% dan untuk syarikat-syarikat ataupun koperatif 20% dan apa yang saya maksudkan ialah bahawa oleh kerana ada peruntukan ini, maka mungkin timbul kemungkinan bahawa Kerajaan akan secara terbuka ataupun be given an open hand, dengan izin, untuk menguasai apa juga amount equity, dan ini boleh dilihat sebagai satu bentuk dasar pemilikan negara menerusi pintu belakang. Saya tidak menyebut tentang problem ataupun masalah back-door nationalisation ini dengan izin, apabila saya menyentuh seksyen baru 39A. Apa yang saya maksudkan ialah lain peruntukan dalam Rang Undang-undang ini bukanlah tentang seksyen baru 39A ini. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat melihatkan komen saya dalam perspective yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya saya pun belum jelas lagi, bolehkah Yang Berhormat jelaskan sekali lagi bagaimana? Sekiranya hadkan 10% dan 20% bagaimana pula ini boleh dikatakan satu jalan untuk memiliknegarakan secara pintu belakang, itu yang tidak jelas.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan ialah berkenaan dengan Fasal 3 berkaitan dengan seksyen baru 23 di mana saya ada menyebut dalam ucapan saya bahawa sekiranya syarikat-syarikat dibenarkan untuk memegang syer 20% dan untuk individu yang

dibenarkan memiliki syer 10%, maka ini bermakna bahawa pihak Kerajaan akan secara terbuka menguasai apa juga amount equity yang lain selain daripada yang dibenarkan pemegangan untuk individu ataupun oleh syarikat atau koperatif yang berkaitan dan ini boleh ditafsirkan sebagai pemilikan negara melalui pintu belakang.

Timbalan Yang di-Pertua: Katakan ada satu sahaja pemegang saham koperatif 20% dan satu sahaja pemegang saham individu iaitu 10% bermakna 30%, jadi bakinya itu, itu Yang Berhormat maksudkan?

Tuan Lee Lam Thye: Ya, bahawa.

Timbalan Yang di-Pertua: Bakinya itu memberi peluang kepada Kerajaan dengan tidak secara langsung memiliknegarakan, ini konteks yang diucapkan.

Dato Sabbaruddin Chik: Baiklah. Itu, Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidak perlu penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Cuma Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar minta jangan disalah tanggap apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat semalam. Itu sahaja, saya rasa.

Dato Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi seperti saya katakan tadi Bank Negara ini hanya mengambilalih apabila tidak ada kemungkinan dia menunaikan liabilitinya bahawa bank itu tidak berupaya menunaikan Uabilitinya dan juga sewaktu bank itu hendak menggantung pembayarannya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya seperti yang saya sebutkan semalam walaupun keadaan ini berlaku sebelum Bank Negara membuat

tindakan-tindakan, ianya terlebih dahulu akan mendapat nasihat daripada satu panel yang mana panel penasihat ini akan ditubuhkan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan nanti. Jadi ertinya proses yang diambil sebelum Bank Negara mengambil alih bank-bank ini akan diteliti dan tidak digunakan sewenang-wenangnya.

Yang lain-lain saya rasa tidak ada lagi. Ada juga beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat mahu mengetahui tentang maksud ungkapan-ungkapan atau expression, dengan izin, yang mana saya rasa terdapat di dalam Rang Undang-undang ini juga tidak perlu saya terangkan di sini. Tehma kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KEWANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato Sabbaruddin Chik: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya Yang Berhormat kena kerja berat dalam dua hari ini.

4.05 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Cari makan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pindaan-pindaan dalam Akta Bank 1973 beberapa pindaan dicadangkan ke atas Syarikat Kewangan 1969 bagi mengukuhkan lagi sistem kewangan dan mewujudkan sistem kewangan yang lebih stabil. Akta Syarikat Kewangan pada masa ini tidak mengandungi peruntukan yang mengawal perolehan saham atau menghadkan pemegang saham dalam syarikat-syarikat kewangan, oleh kerana terdapat juga pengambilan alih saham dalam syarikat kewangan oleh syahkat-syarikat terutama syarikat-syarikat yang disenaraikan di pasaran saham.

Akta Syarikat Kewangan perlu juga dipinda bagi mengelakkan ketidak stabilan dalam institusi kewangan yang boleh menjejaskan kepercayaan umum terhadap sektor kewangan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 9 Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan seksyen-seksyen baru 28A hingga 28G bagi melarang seseorang daripada melibatkan diri

dalam apa-apa perjanjian bagi memperolehi saham tidak kurang dari 5% modal sesuatu syarikat kewangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Kerajaan. Hak pemegang syer dalam sesuatu syarikat kewangan akan disekat kepada pemegang maksima sebanyak 10% bagi individu-individu dan 20% bagi syarikat atau syarikat koperasi. Bagi mengelakkan pemegang bersilang syarikat-syarikat kewangan akan tidak dibenarkan daripada memegang saham dalam syarikat kewangan lain, subsidiari syarikat kewangan lain, bank dan bank saudagar yang bukan dalam kumpulan yang sama.

Walau bagaimanapun, berasaskan prinsip keadilan dan equiti peruntukan-pemntukan ini tidak akan dikenakan ke atas pemegang-pemegang syer dalam syarikat kewangan yang sedia ada sebelum berkuatkuasanya pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta Institusi-institusi Kewangan lain bagi menghalang penyalahgunaan kuasa di dalam proses memberi pinjaman. Pindaan dicadangkan juga dalam Akta Syarikat.

Fasal 6 bertujuan mengadakan seksyen 21A baru bagi melarang mana-mana pengarah, pengurus atau kakitangan bank daripada memberi kemudahan kredit yang melebihi had di bawah kuasanya atau bertentangan dengan mana-mana arahan dasar atau prosedur yang ditetapkan oleh syarikat kewangan berkenaan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu untuk mengadakan peruntukan baru yang sama dalam syarikat kewangan bagi membenarkan Bank Negara dengan kelulusan Kerajaan untuk memberi pinjaman atau membeli saham syahkat kewangan yang diperbadankan di Malaysia. Sekiranya

syarikat kewangan berkenaan tidak berupaya menjelaskan tanggungan-tanggungannya atau akan menggantungkan pembayarannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan ini, ada beberapa pindaan lain yang dicadangkan di dalam Akta Syarikat Kewangan.

Clause 2 dalam Akta ini bertujuan meminda seksyen 16 di mana sesuatu syarikat kewangan dikehendaki menunjukkan dan mempamerkan akaun tahunannya dalam bentuk dan kandungan yang diluluskan oleh Bank Negara.

Pindaan juga dicadangkan di bawah Seksyen 18 bagi memperuntukkan denda yang khusus dengan berdasarkan kiraan harian. Berbanding dengan kekurangan dalam aset mudah-tunainya sekiranya syarikat kewangan gagal mematuhi peruntukan mudah-tunainya.

Di samping itu adalah perlu juga dimasukkan pindaan yang serupa di bawah seksyen 19 bagi mengenakan denda yang khusus di atas kegagalan mematuhi keperluan aset risiko.

Bagi membolehkan syarikat-syarikat kewangan menyertai dalam pasaran wang antara bank, pindaan perlu dibuat kepada Seksyen 20 supaya pengecualian dapat diberikan bagi membolehkan syarikat-syarikat kewangan memberi pinjaman tanpa jaminan melebihi \$5,000 pada satu-satu masa.

Adalah juga perlu untuk meminda Akta Syarikat Kewangan dengan memasukkan satu peruntukan ke dalam seksyen 25 yang menghendaki syarikat-syarikat kewangan memberi maklumat mengenai pelanggan-pelanggannya kepada Biro Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 8 pula akan meminda seksyen 28 Akta yang

bertujuan menghendaki syarikat-syarikat kewangan mendapatkan persetujuan Kerajaan bagi apa-apa perkara atau perjanjian yang menyebabkan perubahan kawalan atau pengurusan syarikat kewangan berkenaan. Pada amnya Akta Syarikat Kewangan memperuntukkan jumlah denda yang tidak melebihi \$5,000. Jumlah ini dikenakan semenjak Akta ini dikuatkuasakan dalam tahun 1969. Adalah dicadangkan supaya denda maksima kerana kesalahan dalam Akta ini ditambah selaras dengan peruntukan denda dalam Akta Bank 1973.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.11 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, semalam dalam perbincangan pindaan kepada Akta Banking, rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan saya juga ada membangkitkan hal krisis Setia Timur di mana "depositors" yang dianggarkan daripada 13,000 ke 15,000 orang yang ada "deposits" daripada \$40 juta ke \$50 juta dalam syarikat tersebut, Syarikat Setia Timur Credit & Leasing Sdn Bhd, di mana mereka sekarang tidak boleh dapat wang dikembalikan kepada mereka dan sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberikan sedikit penjelasan semalam dalam

jawabannya saya rasa jawabannya tidak begitu memuaskan. Dia juga ada mencadangkan bahawa sebenarnya perkara ini patut dibangkitkan dalam perbincangan pindaan ini. Saya tahu tetapi saya mahu tahulah apa pandangan permulaan Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu sebelum kita ada second bite of the cherry.

Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu kecoh sedikit Yang Berhormat. Itu ada sedikit tipu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan tipu, itu anticipation—foresight, Tuan Yang di-Pertua, bukan tipu tetapi foresight.

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Setia Timur Credit & Leasing yang beroperasi dengan lebih daripada 32 cawangan khususnya di Wilayah Persekutuan, Selangor, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan, yang beroperasi sebagai satu syarikat kewangan tanpa lesen yang mendapat "depositors" dengan tawaran 24% setahun atau 2% interest sebulan, satu masalah yang besar. Oleh kerana "depositors" semuanya orang-orang kecil seperti suri rumahtangga dan juga pekerja-pekerja, drebar teksi dan juga peniaga-peniaga. Krisis ini berlaku oleh kerana ada "run" apabila Syarikat Setia Timur tidak boleh membayaraya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kementerian Kewangan dan Bank Negara telah tahu masalah ini selama tiga minggu tetapi sampai sekarang belum ada apa-apa yang konkrit telah dibuat. Sangat jelas apabila kita kaji Akta Syarikat Kewangan 1969 ada satu "oversight" yang dibuat oleh pihak Kerajaan yang sudah gagal untuk menjaga kepentingan "depositors" dalam keadaan seperti "depositors" Setia Timur Credit & Leasing Sdn Bhd. Saya boleh memberi

contoh, apabila kita lihat Seksyen 29 yang berbunyi, dengan izin:

"29. If the Central Bank has reason to suspect that any person is carrying on finance business in the Federation, the Central Bank may inspect under conditions of secrecy the books, accounts and transactions of the person for the purposes of ascertaining whether the person has contravened the provisions of section 3 of this Act".

Siasat untuk menentukan sama ada satu offence di bawah Seksyen 3 ada dibuat dan apa offencenya. Seksyen 3 ialah untuk menjalankan finance business tanpa lesen. Inilah satu kesalahan, dengan izin, on conviction be liable to a fine of lima ribu ringgit atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Tetapi tidak ada apa-apa peruntukan untuk menjaga kepentingan "depositors" untuk menangkap orang tetapi tanggungjawab Bank Negara, tanggungjawab Kementerian Kewangan kepada "depositors" yang ada menaruh deposit wang mereka—life savings mereka dalam syarikat ini tidak disebut, tidak diperuntukkan.

Untuk satu syarikat yang berlesen—licensed finance company, ada peruntukan Seksyen 33.

"33. The Central Bank may, if it is of the opinion that a licensed finance company is likely to become unable to meet its obligations or is about to suspend the payment or is carrying on its business in a manner detrimental to the interests of its depositors. . . ."—ada empat langkah yang boleh dibuat:

(i) require the licensed finance company forthwith to take such steps as the Central Bank may consider necessary or expedient;

- (ii) appoint a person to advise the licensed finance company in the proper conduct of its business;
- (iii) assume control and carry on the business of the licensed finance company; or
- (iv) present a petition to the High Court to wind up the licensed finance company".

Tetapi kuasa-kuasa ini kalau saya tidak silap dan kalau silap saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membetulkannya. Bank Negara tidak ada apabila menghadapi satu unlicensed finance company. Kalau begitu satu loophole yang besar. Oleh kerana apabila sebuah syarikat kewangan tanpa lesen semacam Setia Timur Credit & Leasing Malaysia Sdn Bhd sudah tiga tahun beroperasi dapat \$40 juta ke \$50 juta tentulah kalau sikap Kerajaan ialah sama ada boleh atau tidak boleh mengikut Seksyen 3 Akta Syarikat Kewangan untuk mendakwa seseorang dan kalau didapati salah denda \$5,000 sahaja saya rasa ini kecuaihan oleh kerana masalah bukan seseorang melanggar atau tidak melanggar Akta Syarikat Kewangan tetapi apa akan dibuat oleh Kerajaan untuk membantu 13,000 ke 15,000 orang "depositors" yang ada mempunyai wang \$30 juta, \$40 juta atau \$50 juta di syarikat itu. Sebab itu saya katakan bahawa dalam perkara ini Bank Negara dan Kementerian Kewangan oversightnya ialah satu masalah yang kita akui.

Saya percaya bahawa Bank Negara dan Kementerian Kewangan patut tahu bahawa Syarikat Setia Timur sudah beroperasi selama tiga tahun, bukan satu masa yang singkat. Ada iklan dalam suratkhbar menawarkan instrest 24% setahun kalau tidak tahu untuk tempoh tiga tahun saya rasa satu kecuaihan yang besar, satu sikap yang tidak bertanggungjawab. Kita dapat jawapan semalam daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa

pihak Bank Negara bekerjasama dengan pihak Polis siasat perkara ini. Tetapi sudah tiga minggu dalam perkara kewangan, satu masa yang sangat panjang. "Security, stability" wang boleh hilang dalam satu hari atau dua hari dan tidak boleh dibenarkan tiga minggu tanpa tindakan yang konkrit. Kita tahu bahawa Syarikat Setia Timur Credit & Leasing khasnya Pengarahnya, Datuk Cheng Chong Siew telah membuat satu cadangan bahawa oleh kerana Syarikat itu tidak membayar balik deposit menubuhkan satu holding company di mana semua "depositors" menjadi "shareholders", di mana deposit ditukar menjadi sebagai syer-syer. Saya tidak mahu komen di sini mengenai feasibility cadangan ini untuk menghadapi masalah. Tetapi Bank Negara ada tanggungjawab datang ke hadapan sebagai dengan izin "custodian", sebagai penjaga kepentingan orangramai untuk mengambil alih masalah ini. Tengok sama ada cadangan ini sebenarnya feasible atau tidak feasible. Oleh kerana ini melibatkan wang rakyat dan memikul tanggungjawab semua rancangan mahu menyelamatkan masalah ini.

Saya rasa bukan sahaja saya tetapi depositor-depositor dan orang ramai tidak begitu berminat mengenai masalah ini dari segi Seksyen 3 Akta Syarikat Kewangan. Tetapi daripada segi apa cara Bank Negara dan Kementerian boleh buat untuk menyelamatkan savings mereka. Dan pun bukan sahaja syarikat ini, lain syarikat credit & leasing yang sekarang pun depositor-depositor mereka menghadapi masalah bukan sahaja Setia Timur, lain-lain. Dan kalau Bank Negara dan Kementerian Kewangan adalah lebih berminat mengenai mengambil perhatian kepentingan depositor-depositor, dalam syarikat-syarikat tanpa lesen dan hari ini dalam pindaan yang kita menghadapi pun tidak

memperuntukkan untuk mengatasi masalah ini. Ada lain-lain tetapi sekarang kita menghadapi satu krisis finance company yang terbesar, mungkin unlicensed finance company tetapi finance company. Tetapi di hadapan kita sekarang di hadapan tidak ada peruntukan-peruntukan, sepatutnya patut ada pindaan kepada Seksyen 29 di mana bukan sahaja memberi kuasa kepada Bank Negara untuk periksa buku-buku secara rahsia tetapi selepas itu mengambil tindakan menjaga kepentingan depositor-depositor.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata dia tidak faham kenapa orangramai boleh percaya mahu taruh deposit dalam syarikat-syarikat yang tidak ada lesen untuk berniaga sebagai satu syarikat kewangan. Sebenarnya, mereka tidak tahu bahawa syarikat credit & leasing bukan syarikat kewangan. Dan lagi satu sebab yang diberi oleh Timbalan Menteri bahawa tidak tahu bukan tidak salah. Itu salah dari segi undang-undang. Tetapi kita bincang mengenai masalah sosio masyarakat, kita bincang mengenai masalah kumpulan 13,000 hingga 15,000 untuk satu syarikat, belum kira lain-lain depositor-depositor dalam syarikat-syarikat yang lain yang menghadapi, khasnya orang-orang lapisan bawah. Dan sebab itu masalah saya harap dalam golongan saya ialah masalah credit & leasing ini Setia Timur patut dianggap oleh Kerajaan bukan daripada segi Seksyen 3 Syarikat Kewangan tetapi daripada segi apa cara Kerajaan boleh buat untuk bantu, selamat life savings, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat.

Dan sebab itu semalam saya ada buat satu cadangan bahawa Kerajaan patut tubuhkan satu tabung selamat \$50 juta untuk bantu, untuk menyelamatkan depositor-depositor dalam syarikat ini. Dan pun lain-lain depositor-depositor di lain-lain

syarikat yang menghadapi masalah yang serupa. Dan saya harap oleh kerana perkara ini sangat urgent bahawa Kementerian Kewangan, Bank Negara boleh mengadakan mesyuarat yang segera.

Dan saya harap kalau boleh besok, dalam Ucapan Belanjawan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Budgetnya boleh memberi berita yang baik bahawa adalah satu Kerajaan berputus mengadakan satu cara yang konkrit, satu tabung \$50 juta untuk menyelamatkan depositor-depositor dahpada lapisan bawah yang menjadi mangsa dalam krisis Setia Timur dan krisis pun unlicensedfinance company. \$50 juta saya percaya, saya setuju bukan satu angka yang kecil, tetapi pun satu angka yang besar apabila banding dengan skandal \$2.5 billion BMF (Bumiputra Malaysia Finance). Satu drop pun tidak ada apabila banding dalam \$2.5 billion BMF skandal dan ini bukan untuk sesiapa, untuk orang-orang yang miskin, dan orang-orang susah. Saya harap besok kita boleh dapat satu berita yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

4.26ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Putih): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama bagi membincangkan pindaan Akta Syarikat tahun 1969 bahawa segala pindaan ini adalah wajar supaya ianya dapat mengukuh ataupun dapat menstabilkan perjalanan urusan kewangan dalam negara kita ini. Ianya setidak-tidaknya bukan sahaja dapat menjamin syarikat kewangan menjalankan urusan dan tindakan terhadap peminjam tetapi juga ia dapat menjamin peminjam-peminjam dan orang-orang ramai tidak tertipu oleh peraturan-peraturan

dan Undang-undang Syarikat Kewangan yang longgar yang tidak lengkap yang ada selama ini.

Saya telah beberapa kali mendengar di dalam Dewan ini yang disebutkan oleh Wakil daripada Ketua Pembangkang sendiri tentang Syarikat Setia Timur Credit & Leasing Malaysia Sdn Bhd yang menjalankan urusniaganya dengan mengambil deposit daripada orang ramai yang melibatkan penyimpan ataupun depositor seramai beribu-ribu orang,

Perkara ini saya setuju Kerajaan mengambil tindakan. Dan saya rasa dalam negara kita ini banyak lagi undang-undang selain daripada undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini. Saya rasa penyimpan-penyimpan boleh mengambil tindakan sendiri untuk menyaman ataupun untuk mendakwa bagi pihak dirinya kerana tindakan-tindakan tipu yang dijalankan oleh Syarikat Setia Timur ini. Dan adalah tidak bijak bagi saya kalau sekiranya Kerajaan hendak menubuhkan tabung \$50 juta untuk menolong orang yang kena tipu. Kalau Kerajaan menubuhkan tabung \$50 juta seperti ini maka akan banyaklah syarikat-syarikat kredit yang menjalankan kegiatan haram atau syarikat kredit tanpa lesen atau syarikat kewangan tanpa lesen menjalankan tindakan untuk menipu orang ramai lepas dan Kerajaan boleh bayar daripada tabungnya. Apakah bijak bagi pihak Kerajaan mengadakan tabung sebagaimana yang dicadangkan oleh wakil dari Kota Melaka tadi. Kalau yang kita dengar sekali imbas seolah-olah wakil Kota Melaka ini membela orang miskin, penyimpan-penyimpan. Tetapi sebenarnya dia membela tuannya Syarikat Setia Timur supaya tidak didakwa oleh penyimpan-penyimpan ataupun depositor-depositor yang ada menyimpan wang dalam kredit itu. Kalau ini caranya adalah satu tindakan yang tidak bijak.

Dr Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat daripada Pasir Putih sedar pihak DAP, peguam DAP bagi pihak penyimpan-penyimpan telah menghadapkan kes ini ke mahkamah.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar ada peguam DAP. Rupa-rupanya penyimpan-penyimpan yang kena tipu ini ramai daripada ahli-ahli DAP. Sebab itulah peguam-peguam DAP yang kena tipu. Orang-orang UMNO saya rasa tidak kena tipu, dia cerdik, dia pandai, dia tahu mana kewangan yang tidak berlesen dan yang berlesen. Jadi sebab itulah peguam-peguam DAP begitu bersusah payah untuk membela orang-orangnya yang kena tipu. Begitu juga meminta supaya menubuhkan tabung \$50 juta ini bagi membela orang-orang DAP yang kena tipu kerana menyimpan dalam Syarikat Setia Timur Kredit Sdn Bhd. Dengan ini adalah tidak wajar sekali kita membela di dalam Dewan ini untuk membela orang yang kena tipu oleh penipu-penipu daripada syarikat kewangan yang menjalankan kegiatan secara haram.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jika sekiranya Kerajaan mengikut cadangan DAP ini, cadangan ini adalah cadangan yang tidak bijak dan tidak boleh kita ambil kira. Begitu juga syarikat ini telah menjalankan kegiatan selama tiga tahun kegiatan haram dan ini sebenarnya pihak

Kerajaan tidak sedar, sebab orang ramai sendiri pun tidak sedar selama tiga tahun simpan duit dan kalau sudah sedar dahulu lagi DAP sudah bangkitkan perkara ini dalam Dewan, bukan sekarang, dua tahun dahulu sudah dibangkitkan dalam Dewan ini.

Kalau DAP tak sedar, orang ramai tak sedar, sudah tentu Kerajaan pun tak sedar. Jadi kegiatan haram seperti ini memang dijalankan oleh orang yang bijak dan juga penyimpan-penyimpan pun untuk mencari keuntungan yang besar tanpa memikirkan soal penipuan yang akan dijalankan oleh syarikat kewangan seperti ini. Jadi kalau ini berlaku maka kita tidak boleh menyalahkan Kerajaan dan bagi pihak saya adalah wajar sekali Kerajaan mengambil tindakan walaupun dalam undang-undang ini tidak ada peraturan bahawa Bank Negara boleh mengambil tindakan atau sebagainya tetapi masih banyak lagi undang-undang, masih banyak lagi peraturan dalam negara kita yang boleh penyimpan-penyimpan yang terdiri sebahagian besar mungkin daripada ahli-ahli DAP supaya mengambil tindakan sendiri untuk mendakwa syarikat yang telah menipu mereka itu. Bukan syarikat sahaja, siapa sahaja yang menipu dari segi kewangan, kita boleh dakwa, ada undang-undang dalam negara kita bukan ada kekurangan dalam undang-undang di dalam negara kita.

Jadi kita tak usahlah menuduh atau mencari sesuatu itu dengan cara yang tidak baik atau perkara yang tidak benar, kerana banyak dalam negara kita ini perkara-perkara yang boleh kita gunakan untuk menegakkan, untuk membela diri masing-masing supaya kita mendapat keadilan yang sebenarnya dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada Akta Syarikat Kewangan yang kita bentangkan ini, kegiatan yang

banyak dijalankan oleh Syarikat kewangan sekarang ini ialah di dalam urusan dalam sewa beli (hire purchase) yang dijalankan bagi memberi pinjaman kredit kepada pengguna-pengguna untuk membeli motokar, untuk membeli radio, untuk membeli alat rumah dan sebagainya.

Sebenarnya Akta Sewa Beli ini telah mengenakan 10% faedah yang maksima atas harga tunai ataupun atas harga baki setelah dibayar pendahuluan bagi membeli barang-barang itu. Peniaga-peniaga kadang-kadang atau badan syarikat kewangan ini kadang-kadang cuba juga untuk menipu undang-undang ini ataupun membuat perkara yang tidak betul untuk menipu orang ramai dengan mengenakan kadar lebih daripada 10%, sudahlah kadang-kadang barang yang dibeli dengan cara sewa beli itu selalunya tidak diberi diskaun, kalau satu alat barang elektrik yang berharga \$100 misalnya bahawa penjual itu boleh mendapat diskaun 45% (\$45) bermakna barang itu hanya berharga \$50 tetapi kalau kita membeli dengan sewa beli ataupun secara "installment", dengan cara ansuran maka diskaun ini tidak diberi. Apabila diskaun ini tidak diberi sekali, lepas itu dikenakan pula faedah 10% dengan cara kadar sewa beli yang dijalankan sekarang. Ini adalah amat merugikan. Kalau kita kirakan 10% yang dikenakan itu, sebenarnya kalau kita kira dengan kadar bank biasa adalah lebih daripada 18% hampir kepada 20%, kerana syarikat-syarikat kewangan itu terus mengenakan faedah kepada amaun kewangan ataupun jumlah amaun penuh yang dikenakan kepada barang itu walaupun bayaran telah dibuat ataupun bayaran balik telah dibuat sebahagian daripada pinjaman pokok itu tetapi ia terus digunakan dengan kadar faedah yang sama iaitu kadar faedah sama rata. Ini sudah merugikan pengguna-pengguna dan kalau kita

kira kadar faedah yang tinggi ini boleh meningkat kepada 40%-50% faedah yang dikenakan oleh syarikat kewangan kepada barang-barang yang dibeli dengan cara sewa beli. Ini adalah amat merugikan kepada mereka yang tiada wang tetapi nafsu besar hendakkan barang itu cepat maka dengan ini saya meminta supaya Kerajaan mengkaji semula tentang kadar faedah flat rate, dengan izin, yang dibuat oleh syarikat kewangan ini supaya dikenakan tidak lebih daripada 8%, supaya mengurangkan kadar ini dikenakan tidak lebih daripada 8% setahun sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban.

Satu lagi misalnya pembeli-pembeli barang dia mengenakan faedah kononnya ada penal, misalnya kalau kita hendak beli Proton Saga pergi kepada EON, hanya syarikat-syarikat tertentu yang menjadi penal kepadanya sahaja yang boleh kita mengambil pinjaman atau mengambil kredit untuk membeli motokar dan penal-penal ini adalah semuanya mengenakan kadar 10% walaupun ada syarikat lain yang menawarkan kadar hanya 8%, misalnya KUBB dan juga Supreme Finance Co. dan beberapa syahkat lain yang boleh memberi kadar 8%. Tetapi panel yang dilantik mengenakan 10%. Ini adalah untuk mengambil keuntungan yang besar, dalam masa tiga tahun bermakna syarikat kewangan itu dan juga mungkin dapat komisen kepada EON sebanyak 6%. Kalau ada syarikat lain yang boleh beri 8% mengapakah syarikat EON ataupun syarikat pemasaran kereta nasional ini mengambil panel-panel finance company yang mengenakan kadar 10%. Ini adalah satu perkara yang tidak wajar bagi peminjam-peminjam untuk mendapat pinjaman daripada syarikat kewangan dan masalah bagi EON pula ia tidak boleh untuk menentukan panel-panel mana, kerana kita hendak membeli motokar, asalkan kita tunjuk duit sudahlah. Tak

perlu dia mengawal kita dan kalau kita boleh mengambil panel yang lebih rendah, mengapa kita tak ambil panel yang lebih rendah? Inilah satu cara yang tidak wajar yang dilakukan sekarang ini.

Kita tahu sekarang orang berebut-rebut untuk membeli Proton Saga dan terus hendak mengenakan faedah 10% pada hat ada syarikat kewangan yang boleh mengenakan kadar 8%. 8% ini sudah untung tetapi mengapakah kita mesti pergi kepada kadar 10%, tiga tahun jadi 30% dengan kadar yang sama, dengan flat rate. Inilah keadaan-keadaan penipuan yang kita sedar, beli kereta hanya \$20,000 kita bayar \$30,000 ataupun bayar \$25,000 tak sedar tambahan bayaran hasil daripada penipuan kadar yang dijalankan oleh sewa beli ini dan juga syarikat kewangan ini. Sepatutnya mengkaji semula perkara ini supaya menurunkan kadar faedah yang tidak lebih daripada 8%. Kalau 8% sudah memberikan keuntungan, mengapakah kita mesti mengambil kadar 10%? Dan orang tidak pernah kira, orang kira hanya 2% tetapi kalau campur tiga tahun bermakna 6% kerugian yang kita boleh dapat dengan faedah 24% tetapi kena bayar 30%. Ini yang dikatakan riba, kerana memberi beban, kerana memberi beban kepada orang yang meminjam. Kalau tak memberi beban, saya rasa riba pun ringan sedikit. Tetapi ini memberi beban, riba yang paling besar kerana memberi beban. Kalau ada faedah yang lebih rendah, itu kurang beban sedikit, berdosa dari segi Islam yang perkara ini dibuat dan patutlah kita membuat sesuatu supaya perkara ini tidak berlaku. Kalau kita boleh dapat 8%, mengapa kita mencari panel atau mencari mereka yang mengambil kadar faedah 10%?

Keadaan seperti ini patut diambil tindakan dan membenarkan QBB untuk memberi pinjaman dan ada pula saya pernah pergi untuk membeli

kereta Proton Saga, ini kalau hendak KUBB kena bayar cash, kata dia, atau bawa cek terus baru boleh kita daftar motorkar. Banyak hatangan kerana tak boleh untung besar, bayar cash, bawa cek dahulu, semua itu, semua ini, hendak menyusahkan kerana KUBB ini syarikat kewangan orang Melayu, kalau Arab-Malaysian Finance tak tahulah, orang Melayu juga tetapi bunyi Arab. Jadi, inilah keadaan-keadaan yang membolehkan persoalan kita di dalam syarikat-syarikat kewangan yang banyak menipu, yang banyak menjalankan kegiatan yang hanya semata-mata membolot keuntungan tanpa memikirkan masalah-masalah lain yang boleh merugikan yang semuanya orang nampak datam perkara ini.

Yang kedua, dalam Perjanjian Sewa-Beli, sudahlah tulis dalam bahasa Inggeris, halus pula, pakai cermin mata pun kadang-kadang tak nampak, kena tukar, kena beli yang tebal lagi. Berbelit-belit ayat, mencari ayat-ayat yang payah kita faham supaya dia dapat menipu. Kalau boleh pakai buku, tulis besar-besar sedikit biar semua orang boleh baca dan minta kepada Kementerian Kewangan kerana Perjanjian Sewa-Beli ini semua digunakan oleh rakyat jelata kita sama ada yang tahu atau yang tidak tahu bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa lain supaya kepada orang Melayu diberi perjanjian sewa-beli ini dalam Bahasa Malaysia. Bila lagi kita hendak buat hanya perjanjian sewa-beli yang kita guna ini tak boleh ada dalam Bahasa Malaysia? Lepas itu kita bercakap Bahasa Malaysia ialah Bahasa Kebangsaan, tetapi dalam urusan pembelian hari-hari masih lagi kita membenarkan mereka memakai perjanjian ataupun agreement dalam bahasa Inggeris, tulis halus, berbelit-belit ayat. Tulis bahasa Melayu tak boleh, orang tak faham, takut complicated, takut ini, takut itu. Bahasa Melayu lebih kaya daripada bahasa Inggeris kalau kita tahu, kalau

kita faham betul-betul. Misalnya dalam bahasa Inggeris kata "bring" sahaja, dalam bahasa Melayu banyak, tidak "bring" sahaja, "junjung" ada, "bimbit" ada, "pikul" ada, "kandar" ada, bahasa Inggeris satu sahaja, kita boleh pakai banyak. Tetapi kelmarin misal kata "amaun". "Amaun" tak boleh kata "jumlah", kata Timbalan Menteri Kewangan. Kalau kata "jumlah" ertinya "total", katanya. Apa salahnya "jumlah" sama dengan "amaun" sama dengan "total", serupa juga, orang faham sudah. Betullah peringkat mula-mula "amaun" tak faham, katanya orang kena belajar bank, tetapi kalau pergi kepada orang kampung apa "amaun" ini? Jadi, dalam peringkat pertama biar lagi guna "jumlah" pun tak apa, biar orang semua pandai bahasa Inggeris esok baru kita gunakan "amaun" ataupun segala-galanya. Kalau selama ini kita gunakan perkataan-perkataan yang boleh kita senang faham gunakan perkataan itu, kita tidak perlu mengadakan pindaan-pindaan hanya untuk mereka tertentu yang mungkin ini boleh pula untuk menipu orang-orang yang tak faham bahasa Inggeris.

Itulah perkara-perkaranya supaya perjanjian sewa-beli ini dimestikan m menggunakan Bahasa Malaysia. Takut ada orang tak erti Bahasa Malaysia bubuh satu bahasa Inggeris tak apa. Ada pula orang tak erti Bahasa Malaysia. Kalau tak erti Bahasa Malaysia itu saya rasa dia patut belajar lebih dalam lagi supaya faham. Kita bercakap Bahasa Malaysia bahasa rasmi tetapi pelaksanaannya tidak seperti yang kita harapkan di dalam masalah-masalah urusan yang boleh menjpu orang-orang Melayu dan orang-orang rendah yang patut kita mengambil tindakan.

Selain daripada itu juga di dalam peraturan yang kita tidak pernah baca. Dalam perjanjian sewa-beti ini kita tak pernah baca, sains sahaja. Hendak beli

kereta, sains sahaja, tak pernah orang baca kerana halus. Beli motokar, beli radio, peti televisyen, sains sahaja. Sains Encik, sains. Orang pandai pun dia sains sahaja, tak ada pernah orang baca semua lulus. Di dalam pada itu ada banyak perkara-perkara. Misalnya kita beli satu barang, masa kita beli itu kita tak ada duit, kita bayar instalment selama setahun katalah, perjanjian itu selama 3 tahun, lepas itu kita bayar setahun, lepas itu baki lagi 2 tahun kita hendak jelaskan, kebetulan kena loteri kita hendak jelaskan barang itu. Setengah syarikat kewangan tidak memberi potongan kerana dia telah mengenakan 30% daripada awalnya dia tidak memotong faedah yang dikenakan itu walaupun dibayar hanya setahun, dia hanya potong amat sedikit. Inilah penipuan-penipuan, kerugian-kerugian yang patut kita ambil perhatian juga. Sebab itu kita kata perjanjian sewa-beli yang tidak pernah kita beca kerana terlampau halus, terlampau complicated sehinggakan perkara-perkara seperti ini apabila sampai masa kita hendak bayar tunai kepada barang instalment tadi faedahnya tidak dipotong, kalau dipotongnya amat sedikit. Ini penipuan yang boleh menggambarkan bahawa perkara-perkara ini patut diambil perhatian.

Sekali lagi saya berharap supaya syarikat-syarikat kewangan ini tidak mementingkan keuntungan semata-mata, tetapi sebaliknya mempertimbangkan juga kepada orang-orang yang hendak meminjam ini supaya tidaklah haram itu besar sangat, biar haram itu sedikit, tak apa. Kalau tidak membebaskan tentu haramnya sedikit, kalau membebaskan orang pinjam sudah tentu haramnya lagi besar dan memaki-maki pula orang lain kepada dia, lagi besar dosa. Jadi sebab itu mungkinlah kalau ada syarikat-syarikat kewangan bumiputera sepatutnya dia memikir perkara ini supaya ianya tidak berlaku kepada

orang yang terdesak ini untuk mendapat pinjaman, terutama mereka yang hendak beli Proton Saga yang belum beli lagi.

4.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985 ini. Di samping ini suka saya memberi beberapa ulasan terhadap beberapa peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Tentulah bahawa di antara beberapa peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah peruntukan-peruntukan yang positif, yang baik, akan tetapi juga terdapat satu dua peruntukan dalam Rang Undang-undang ini di mana saya hendak menumpukan perhatian saya dalam perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya saya menyokong Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985 dan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini berasaskan kepada kenyataan bahawa syarikat kewangan adalah penjaga ataupun custodian wang rakyat dan oleh yang demikian adalah perlu bagi Kerajaan memastikan bahawa semua syarikat kewangan dapat diurus dengan baik, teguh dan sihat dan wang orang ramai disimpan dengan selamat dan terjamin.

Komen saya ke atas cadangan pindaan ini adalah serupa dengan komen saya ke atas Rang Undang-undang Bank (Pindaan) yang mana telah diluluskan oleh Dewan ini kerana kedua-dua cadangan Rang Undang-undang ini nampaknya saya mempunyai matlamat yang serupa.

Pertamanya, saya ingin menyentuh fasal 6 yang bertujuan untuk memperkenalkan satu seksyen baru

21A kepada Akta ibu bagi melarang seseorang pengarah, pengurus dan pekerja sesuatu syarikat kewangan berlesen daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit melebihi had yang dia dibenarkan memberi atau berlawanan dengan apa-apa arahan yang dikenakan oleh syarikat kewangan berlesen itu.

Saya rasa bahawa pindaan yang terkandung dalam fasal 6 ini adalah wajar dan merupakan satu halangan terhadap mereka yang berkeinginan ataupun bermaksud untuk menipu atau yang terlibat dalam perniagaan yang tidak jujur.

Saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada fasal 8 yang bertujuan untuk meminda seksyen 28 Akta Syarikat Kewangan bagi memperuntukkan bahawa apa-apa perkiraan atau perjanjian yang dicadang yang melibatkan kuasa mengundi pengurusan atau lain-lain perkara yang akan menyebabkan perubahan dalam pengawalan atau pengurusan syarikat kewangan berlesen perlulah mendapat kelulusan Menteri Kewangan atas syor Bank Negara.

Atas fasal 8 ini saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan kebimbangan bagi pihak syarikat-syarikat kewangan oleh kerana bahawa peruntukan ini ataupun seksyen 28 yang akan dipinda ini nampaknya boleh memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengawal jenis pengurusan sesebuah syarikat kewangan.

Persoalan saya ialah bagaimanakah boleh Bank Negara berupaya menimbang secara objektif dan tidak dipengaruhi oleh pertimbangan politik atau lain-lain pertimbangan dalam hal ini.

Seperti mana yang saya telah menyatakan dalam Dewan ini apabila

saya membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) kepada Akta Bank, itu tentulah tidak dapat dinafikan bahawa adalah baik sekiranya dapat meluluskan undang-undang untuk memastikan bahawa segala urusan bank ataupun di sini urusan syarikat kewangan dapat dijalankan dengan cara yang teratur, dengan cara yang teguh dan sihat. Akan tetapi sekiranya pihak yang berkenaan hendak ataupun berhajat untuk mengadakan kawalan yang berlebihan ataupun, dengan izin, over regulation, ini tentulah akan menjejaskan inisiatif syarikat-syarikat kewangan yang berkenaan.

Saya bukanlah bertujuan di sini untuk mempertahankan pihak pengurus syarikat kewangan akan tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa jika sekiranya tertimbul sesuatu undang-undang yang begitu ketat khususnya berkenaan dengan peruntukan dalam fasal 8 ini, ini akan menimbulkan kebimbangan ataupun syak-wasangka kepada pihak syarikat-syarikat kewangan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan fasal 9 yang berkaitan dengan peruntukan untuk mengadakan pemegangan syer dalam sesebuah syarikat kewangan, pandangan saya adalah serupa dengan apa yang saya lahirkan apabila saya membahaskan Rang Undang-undang Bank (Pindaan). Kepercayaan saya ialah bahawa mengadakan pemegangan syer dalam sesebuah syarikat kewangan akan memberi kesan ke atas pelaburan dalam syarikat kewangan.

Peruntukan seumpama ini pada anggapan saya adalah tidak produktif dan seperti mana yang saya sebutkan tadi menjejaskan inisiatif syarikat-syarikat kewangan dalam hal pelaburan dan dengan mengadakan misalnya ekuiti syer untuk mereka yang boleh melabur dalam sesuatu syarikat kewangan adalah serupa dengan mengadakan pelaburan.

Memandangkan kepada kemelesetan ekonomi pada masa sekarang, negara kita amat memerlukan pelaburan bagi menghidupkan semula, bagi mencergaskan semula ekonominya dan dengan had ini Kerajaan juga menghadkan pertumbuhan sektor kewangan dan syarikat kewangan dan ini akan menyebabkan terhadnya pertumbuhan lain-lain sektor ekonomi kerana pinjaman dan perkhidmatan kewangan daripada syarikat-syarikat kewangan sukar diperolehi.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan merujuk kepada fasal 10 yang bertujuan untuk mengemukakan seksyen 33A bagi membenarkan Bank Negara dengan persetujuan Menteri Kewangan untuk memberi pinjaman kepada sesuatu syarikat kewangan berlesen terhadap cagaran syer itu jika Bank Negara mendapati bahawa syarikat berlesen itu berkemungkinan tidak berupaya menjelaskan tanggungan atau hampir hendak menggantung pembayaran.

Saya rasa pindaan ini adalah satu pindaan yang baik yang dapat membantu melindungi kepentingan orang ramai yang menyimpan wang mereka dalam syarikat kewangan jika mana-mana syarikat kewangan menghadapi kesusahan ataupun kesulitan dan tidak berupaya menjelaskan tanggungan-tanggungan-nya atau hampir hendak menggantung pembayaran.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh di sini secara amnya dalam membahaskan Rang Undang-undang ini ialah mengenai masalah yang telah ditimbulkan bersabit dengan perniagaan kewangan yang telah dilakukan oleh beberapa syahkat yang tidak berlesen yang telah disebut oleh Wakil dari Kota Melaka tadi.

Saya berpendapat bahawa pihak Kementerian Kewangan haruslah mengambil perhatian yang berat

tentang hal ini dan pada pandangan saya, salah satu syor ataupun cadangan yang patutlah ditimbang oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi segala perniagaan kewangan yang tidak berlesen, yang tidak sah, yang haram ini, ialah dengan cara untuk mengeluarkan lebih banyak lesen-lesen kepada syarikat-syarikat kewangan ataupun mengeluarkan lebih banyak lesen kepada orang-orang yang berintegriti, orang-orang yang mempunyai modal yang layak untuk mendapat lesen untuk mengusahakan sebuah syarikat kewangan.

Saya menimbulkan hal ini oleh kerana saya difahamkan bahawa adalah sangat sukar masa kini untuk mendapat lesen bagi mengusahakan sebuah syarikat kewangan dan saya harap bahawa dengan wujudnya masalah-masalah yang telah disebut tadi oleh rakan saya, maka pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengkaji semula tentang dasarnya mengenai pengeluaran lesen untuk orang-orang, syarikat-syarikat ataupun badan-badan yang berkenaan yang layak untuk mengusahakan perniagaan syarikat kewangan ini. Ini ialah pandangan saya terhadap perbincangan dalam Rang Undang-undang ini. Sekian, tehma kasih.

5.02 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di dalam perbincangan ini dan nampaknya ini adalah Rang Undang-undang yang kedua di dalam siri Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk maksud yang sama agaknya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 meminda Seksyen 20 Akta tersebut bagi melarang sesuatu syarikat kewangan berlesen memberi kemudahan-kemudahan kredit tidak

bercagar melebihi \$5,000 melainkan kepada syarikat-syarikat kewangan berlesen yang lain, bank atau mana-mana institusi kewangan lain yang diluluskan oleh Bank Negara. Fasal ini mempertahankan kedudukan penyimpanan-penyimpan tetapi dalam masa ekonomi kini yang mengelirukan dan masa sekarang yang bergelora ini, syarikat-syarikat kewangan tidak seharusnya menjadi seperti kedai pajak gadai yang mempunyai pendekatan yang konservatif, yang lebih mementingkan cagaran daripada jangkaan hadapan baik firma-firma. Sungguhpun kewaspadaan harus diperhatikan, firma-firma tersebut juga patut menimbang nilai-nilai ethic dan moral, akhlak dan kesusilaan supaya kedudukan penyimpanan, peminjam-peminjam serta kedudukan industri kewangan ini dipertahankan.

Dalam memproseskan permohonan-permohonan untuk pinjaman-pinjaman, langkah-langkah harus diadakan di mana sistem pilih kasih tidak wujud. Pegawai-pegawai pinjaman tidak seharusnya cenderung kepada ahli-ahli keluarga atau kawan-kawan dalam meluluskan pinjaman walaupun mungkin mereka tidak layak untuknya. Dalam hal ini sistem pilih kasih yang begini akan merosakkan sistem kewangan. Dalam kes yang lain pula sekiranya si peminjam itu layak dan ia membayar, dengan izin, kickbacks, ianya merupakan suatu kecelaan dari segi nilai ethic dan moral.

Tuan Yang di-Pertua, ketika pertumbuhan ekonomi akan datang ditumpukan kepada pembangunan entrepreneur, dengan izin, mentaliti yang konservatif di dalam sistem kewangan negara kita terpaksa diubah kepada sistem yang lebih dinamik, yang lebih inovatif. Sektor kewangan seharusnya menumpukan lebih minat ke atas potential aliran wang tunai atau cash flow, dengan izin, akan

datang bukan menumpukan ke sekuriti semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya memetik satu kenyataan J.B. Morgan, seorang pakar:

"J.B. Morgan once said that he approved a loan of \$1 million to a man who did not even have a penny in his pocket. He had two more important attributes than money—character and idea."

Inilah sifat-sifat yang saya berharap supaya sistem dan sektor kewangan dan juga Kementerian Kewangan akan menumpukan perhatian bukan semata-mata ke atas sekuriti. Syarikat-syarikat kewangan hendak ditarik oleh sesuatu perniagaan kerana keupayaan pengurusan bukan hanya pertimbangan kewangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 meminda seksyen 20 Akta tersebut melarang sesuatu syarikat kewangan berlesen memberi kemudahan-kemudahan kredit dan saya berharap walaupun langkah-langkah yang ketat ini perlu diambil untuk menjaga kepentingan orang ramai akan tetapi pihak Kementerian Kewangan haruslah menimbangkan keperluan untuk mengadakan, dengan izin, flexibility ataupun "kefleksibilan". Nampaknya pakar-pakar bahasa ada di sini juga, saya pun hendak tahu apakah perkataan yang tepat untuk "kefleksibilan"—kelenturan?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta jalan?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, "kefleksibilitian" (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus itu pakar dalam bahasa. Baiklah, pakar sudah jawab!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun merujuk kepada buku undang-undang yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Mereka lebih berminat kepada "kefleksibilan". Walau bagaimanapun, maksud saya ialah dengan ada peraturan-peraturan dan langkah-langkah yang ketat ini akan sebaliknya juga menjejaskan kefleksibilan ataupun kefleksibilitian syarikat-syarikat kewangan dan pengurus-pengurus yang pakar dan berpengalaman.

Fasal 8 bertujuan meminda Seksyen 28 Akta dan di sini saya hendak menekankan bahawa pada masa ini saya berpendapat Kerajaan telah membenarkan sektor kewangan dan syarikat kewangan berkembang dengan tebih pesat daripada kemampuan untuk mewujudkan orang-orang yang pakar, orang-orang yang berpengalaman, dengan izin, yang mempunyai profesionalism and expertise sangat kurang di negara ini. Dengan kekurangan ini maka pihak Kementerian terpaksa berwaspada, jangan membiarkan sektor ini berkembang dengan terlalu pesat sehingga kita tidak mempunyai orang-orang yang terlatih dan berpengalaman untuk menjalankan tugas masing-masing.

Fasal 8 dan 10 pula, saya hendak memberi peringatan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dengan adanya kawalan ke atas semua syarikat kewangan, akan tetapi yang kuat untuk mendatangkan kebaikan adalah kuat juga untuk menimbulkan keburukan jika disalahgunakan. Saya berharap kuasa yang diberi kepada Menteri Kewangan yang terlalu besar jangan disalahgunakan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak diingini. Sekiranya perhatian tidak diberi ke atas kuasa yang terlalu besar ini, mungkin skandal yang lebih besar daripada BMF akan berlaku.

Satu perkara lagi, dengan mekanisme pasaran bebas ini, sekatan-sekatan yang diadakan ke atasnya boleh menjejaskan mekanisma pasaran bebas. Ini juga saya minta pihak Kementerian berwaspada ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 bertujuan untuk mengemukakan seksyen baru 33A kepada Akta untuk membenarkan Bank Negara memberi pinjaman kepada sesuatu syarikat kewangan berlesen terhadap cagaran syer itu atau untuk membeli apa-apa syer sesuatu syarikat kewangan berlesen untuk mengawal perniagaan syarikat kewangan itu dan di sinilah, fasal ini juga walaupun perlu untuk memelihara kepentingan orang ramai, penyimpan-penyimpan wang dan sebagainya daripada ditipu seperti yang berlaku dengan Setia Timur yang disebutkan oleh rakan-rakan saya, akan tetapi ini juga boleh menjejaskan perbuatan keputusan korporat, dengan izin, corporate decision making yang penting untuk sektor-sektor seperti sektor kewangan kerana Pengurus atau Pengarah yang pakar terpaksa membuat keputusan untuk projek-projek yang besar yang innovative yang mempunyai risiko yang tinggi. Dengan adanya sekatan-sekatan seperti ini, mereka susah hendak membuat keputusan terutamanya keputusan untuk jangka panjang. Inilah satu perkara yang penting lagi yang terpaksa diambil perhatian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Satu lagi perkara yang menarik iaitu mengenai sektor-sektor di mana institusi-institusi kewangan mempunyai minat kepadanya. Menurut satu kajian sektor hartanah dan hotel, hotel ini memang digalakkan oleh Kerajaan untuk pelaburan asing dan tempatan. Menurut satu kajian kedua-dua sektor ini mempunyai risiko yang sangat besar dan pulangan-pulangan, dengan izin, returns yang rendah daripada

pelaburan itu. Kedua-dua sektor ini biasanya diminati oleh institusi-institusi kewangan untuk memberi pinjaman kepadanya, mungkin dengan galakan daripada Kerajaan.

Di dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah menyalurkan sebahagian besar wang kepada hartanah dan pembinaan perumahan dan sebagainya. Pada suku pertama tahun ini 50 sen daripada tiap-tiap ringgit di dalam kredit dilaburkan di dalam sektor hartanah—50 sen daripada tiap-tiap ringgit di dalam kredit dilaburkan dalam sektor hartanah. Dengan kemerosotan ekonomi ini, kedua-dua sektor tersebut telah mengalami kesusahan yang besar dan ini menjejaskan syarikat-syarikat kewangan. Di sinilah syarikat-syarikat kredit sewa seperti Setia Timur telah menimbulkan kucar-kacir di dalam simpanan-simpanan. Saya hendak menekankan sekali lagi kegiatan salah di sisi undang-undang oleh firma-firma kredit dan leasing seperti Setia Timur ini yang telah menipu beribu-ribu rakyat tidak harusnya dibenarkan berlaku.

Saya faham bahawa pihak Kementerian pun termasuk Yang Berhonnat Timbalan Menteri mungkin tidak sedar sehingga beberapa bulan mengenai kegiatan-kegiatan yang tidak sah ini, kegiatan haram ini. Salah satu faktor mungkin di tahun-tahun yang lampau firma-firma seperti ini boleh mendapat deposit dan sebagainya, dan boleh memberi faedah kepada penyimpan-penyimpan kerana ekonomi yang sihat, dan mereka dapat melaburkan wang atau memberi pinjaman kepada orang-orang yang dapat membayar balik dengan bunga dan pokoknya, tetapi di dalam 3 tahun ini kerana stagflasi yang berterusan, yang lebih daripada 4 tahun harapan firma-firma kredit dan sewa ini untuk mendapat pulangan daripada pelaburan mereka tidak seperti yang diharapkan. Dengan ini berlakunya skandal seperti

yang dinampakkan oleh syarikat-syarikat seperti Setia Timur.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mempertimbangkan di dalam Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang didapati di dalam Banking Act 1973, dengan izin, which states that depositors have a priority claim above all other liabilities of the bank. Saya berharap perkara ini dapat diambil perhatian oleh Yang Berhormat dan dimasukkan di dalam Rang Undang-undang Syarikat Kewangan sepertimana yang terdapat dengan Akta Bank. Tabung Trust Fund boleh menjadi satu, dengan izin, safety net, satu guarantee untuk menyimpan dan akhirnya saya hendak menekankan satu kali lagi iaitu di dalam industri kewangan ini kita seringkali dengar kejadian-kejadian "kick-backs" dan penipuan, ada pegawai-pegawai kanan yang bersara kerana melakukan penyelewengan, walaupun pegawai-pegawai kanan yang tidak mempunyai amanah terpaksa dipecat atau bersara, ini bukan satu penyelesaian. Penyelesaiannya terletak kepada bagaimana pihak Kementerian dapat mewujudkan nilai-nilai akhlak dan kesusilaan untuk orang-orang yang terlibat dalam sektor kewangan ini.

Sebenarnya skandal BMF ialah skandal kerosakan ataupun ketidakadaan nilai-nilai akhlak dan kesusilaan dan dengan PETRONAS mengambilalih kekurangan ini tidak akan berubah. Sebab itulah saya berharap sama seperti dengan nilai-nilai Islam yang dilaung-laungkan, nilai-nilai akhlak dan kesusilaan kewangan terpaksalah diserapkan ke dalam sektor kewangan terutamanya syarikat-syarikat kewangan.

5.25 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969. Pada pandangan saya bahawa pada umumnya tujuan Akta Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985 ini ialah untuk mempertingkatkan lagi cara-cara mengemaskinikan perjalanan dan pengurusan syarikat-syarikat kewangan di negara kita secara lebih cekap bagi menjamin ke arah membantu mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara kita pada keseluruhannya. Namun demikian saya ingin memberi beberapa pandangan berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh terutama sekali ahli-ahli Pembangkang di dalam membahaskan Akta Syarikat Kewangan ini.

Kedua-dua orang Ahli daripada Kota Melaka dan Kepong telah membangkitkan satu perkara berhubung dengan syarikat kewangan yang tidak berlesen. Pada dasarnya saya bersetuju penuh bahawa langkah-langkah yang berkesan dan membina hendaklah diambil oleh pihak Kerajaan supaya dapat pertama sekali melindungi syarikat-syarikat kewangan yang berlesen yang mempunyai taat setia kepada Kerajaan dan negara ini. Sekiranya syarikat-syarikat kewangan yang tidak berlesen ini berjalan berleluasa, sudah pasti akan menjejaskan prestasi ataupun perniagaan syarikat-syarikat kewangan yang berlesen itu. Akan tetapi saya menyesali sikap Ahli daripada Kota Melaka, Ahli dari Kota Melaka menyesali sikap Kerajaan kerana katanya cuai di dalam mengambil tindakan ke atas syarikat yang disebut tidak salah saya Syarikat Setia Timur Credit dan Leasing Sdn Berhad yang kononnya mempunyai lebih kurang 32 buah cawangan dengan mendapat deposit yang terkumpul lebih kurang di antara \$30 juta hingga \$40 juta. Kononnya

syarikat ini sudah beroperasi sejak tiga, empat tahun yang lalu dan syarikat ini juga kononnya telah menawarkan faedah sebanyak 24%. 80% daripada masa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berpusing-pusing di atas isu ini. Kerajaan cuai, lemah dan sebagainya, sudah tiga, empat minggu perkara ini berlaku belum ada apa-apa tindakan.

Memanglah menjadi dasar parti Pembangkang ini jika kita cuba meneliti sesuatu kes atau isu dengan cermat dan teliti, dia kata lambat. Kalau kita buat dengan tergesa-gesa untuk mengambil keputusan yang cepat, dia kata terburu-buru. Cepat salah, lambat pun salah, jadi semua serba salah kata P. Ramlee.

Patut Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka itu harus menyedari yang dia sendiri mendakwa bahawa syarikat ini mempunyai ahli 13,000, 14,000 ini bukan satu perkara mudah bagi pihak Polis atau mana-mana pihak pegawai-pegawai yang berkenaan untuk membuat siasatan yang rapi supaya apakala dibawa kemuka pengadilan, kes ini dapat diadili dengan seadil-adilnya. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan tidak harus melatah dengan cara geletek daripada wakil DAP dari Kota Melaka ini. Kita mesti tegap dan teguh dengan prinsip kita, setiap kes yang berlaku mestilah disiasat dengan rapi kerana setiap keputusan yang diadili di atas dunia ini juga akan dipertanggungjawabkan kepada kita sebagai Kerajaan di Yaumil Mahsyar kelak di hadapan Kabi Rabbul Jalil.

Oleh sebab itu kita tidak perlu takut, kita tidak perlu merasa terhina dengan tuduhan dan tohmah daripada pihak DAP yang tidak bertanggungjawab. Mungkin kalau mereka memerintah terdapat sesuatu kes berlaku hari ini salah, esok hukum

gantung barangkali seperti yang berlaku di setengah-setengah negara yang saya tidak mahu sebut, kes berlaku pada siang hari, pukul 5.00 subuh esok hukum gantung. Ini sudah bertentangan dengan keperibadian kita khususnya orang Islam atau orang-orang Timur di mana sesuatu perkara mestilah disiasat dengan rapi, diteliti dengan sepenuhnya, siapa yang bersalah dan siapa yang tidak bersalah maka mereka-mereka yang bersalah sudah sewajarnya mendapat keadilan atau mendapat hukuman yang setimpal dengan perbuatannya.

Jika perlu mengambil masa kita terpaksa berbuat demikian kerana bukanlah satu perkara ganjil ada beberapa kes di dalam dunia ini mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk mendapat kepastian supaya perkara-perkara ini dapat dibawa ke muka pengadilan. Perkara yang anihnya dan panjang disebut-sebut oleh Ahli dari Kota Melaka ialah berkenaan dengan peruntukan yang didakwa tidak ada di dalam Akta Syarikat Kewangan sama ada Akta Ibu dan Akta yang wujud ini tentang pembelaan Kerajaan terhadap mereka yang teraniaya yang kononnya sudah tertipu atau ditipu oleh syarikat yang dimaksudkan tadi.

Perkara ini tentulah sukar bagi kita untuk menimbang pandangan Ahli daripada Kota Melaka yang saya fikir tidak praktikal dan tidak lojik dan tidak sepatutnya didedahkan di Dewan yang mulia ini kerana walaupun saya simpati dan semua anggota Dewan ini barangkali simpati dengan apa yang berlaku kepada 13,000, 14,000 orang yang tertipu itu tetapi mereka juga kita harus menilai kalau seseorang itu sudah pandai hendak masuk satu-satu syarikat, bukan dia buta huruf, kalau orang yang tidak tahu langsung tentulah dia tidak berminat untuk menyertai mana-mana syarikat kewangan. Orang ini sudah tahu sepatutnya dia menyiasat.

Jadi mereka buat salah, mereka melakukan kesalahan maka Kerajaan tak sepatutnya menanggungnya, samalah juga seperti orang berniaga, kalau dia berniaga rugi—Kerajaan beri duit. Dia rugi kita beri duit. Kalau begini keadaannya Kerajaan akan papa. Kata orang tua-tua gunung pun kalau dicangkul akan habis. Kedua pula, kalau kita bela seolah-olah kita menggalakkan perbuatan penipuan itu berleluasa.

Kita ambil tindakan kepada syarikat yang tidak bertanggungjawab, ahlinya kita bayar ganti rugi dia boteh rancang satu syarikat yang lain, apa dia takut mungkin dia ada kepentingan di sana, dia masukkan atas nama istehnya dan sebagainya. Dia kena tangkap—di sana dia dapat, di sini dia terlepas. Lagi pun bandingannya bolehlah kita kata kepada pengguna-pengguna teksi sapu. Semua orang tahu naik teksi sapu tidak ada dilindungi oleh insurans, hanya teksi-teksi yang berlesen sahaja dilindungi insurans, tetapi orang suka naik teksi yang tidak ada insurans, teksi sapu. Lepas itu bila kena kemalangan patutlah Kerajaan mesti bayar, tetapi itulah kehendak DAP, mana lojiknya ini. Dia telah lari, tidak syok—mana lojiknya. Kalau hendak bayar tiap-tiap orang yang naik teksi sapu ini entah berapa banyak peruntukan yang perlu disediakan oleh Kerajaan. Dua, tiga tahun dahulu saya pernah bangkitkan di dalam Parlimen ini supaya diberi lesen teksi sapu ini tetapi teksi sapu ini berleluasa juga.

Jadi kehendak DAP setiap orang yang kena aniaya walaupun dia sendiri menganiaya dirinya, Kerajaan mesti menanggungnya, ini bukan Kerajaan welfare. Perdana Menteri kita pun tidak setuju hendak wujudkan sebuah negara welfare atau negara kebajikan. Sebenarnya tidak ada negara di dalam dunia ini yang mampu semuanya setiap orang yang teraniaya, akan dibantu hanya mereka yang terlibat

dengan aturan dan peraturan yang kita wujudkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Jika ada Ahli-ahli yang teraniaya yang sabit dengan Akta ini, lojiklah dibantu. Ini DAP semuanya hendak bantu, sebenarnya ini menunjukkan Ketua Pembangkang tidak ada modal hendak bercakap, 80% daripada ucapannya hanya isu Syarikat Timur Credit & Leasing Sdn Bhd, datang Ahti dari Kepong sambung lagi cerita itu juga, filem lama itu dipusing-pusing, ditayang-tayang, buang masa sahaja, banyak Akta yang kita hendak bahas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tidak lojik pandangan daripada pihak DAP itu. Maka dengan ini saya menyokong Akta Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

5.40 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa hal yang pendek yang hendak saya kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengemukakan Rang Undang-undang ini. Pada umumnya semangat pindaan Rang Undang-undang ini adalah baik akan tetapi pada keseluruhannya kita melihat bahawa pindaan-pindaan yang diutarakan di sini adalah lebih kurang serupa dengan pindaan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam iaitu Akta Bank 1973.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut syarikat kewangan, di negeri ini imej syarikat kewangan tidak lebih merupakan satu badan yang memberi pinjaman untuk membeli kereta. Imej ini sama ada kita suka atau tidak sudah menjadi sebatian dengan masyarakat kita dan pada fikiran saya imej ini semestinya

dikekalkan dan bahawa syarikat kewangan di negara ini mestilah di tingkatkan (upgrade) supaya ia menjadi sebuah institusi kewangan yang boleh memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara dan tidak hanya terbatas dalam jual beli kenderaan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku dalam syarikat kewangan di tanah air kita ialah tumbuhnya syarikat-syarikat kewangan yang kecil-kecil dengan modal \$2 atau \$3 juta, modal berbayar dan scope operasinya meliputi sesuatu negeri atau sesuatu kawasan (region), maka oleh kerana itu syarikat-syarikat kewangan ini akan kekal dengan imejnya sebagai satu institusi tempatan. Oleh kerana syarikat kewangan ini mempunyai potential untuk berkembang dan untuk berjalan seiring dengan institusi-institusi kewangan yang lain seperti commercial bank dan juga bank-bank saudagar, maka saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian ini mengikhtiarkan satu jalan iaitu menggabungkan syarikat-syarikat kewangan yang kecil-kecil ini menjadi satu gabungan syarikat-syarikat kewangan besar yang sudah pastinya apabila ia besar scopenya juga akan bertambah luas dan dengan demikian maka jentera pentadbirannya dapat diupgradakan, dipertingkatkan selaras dengan jalannya yang lebih meningkat.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan membiayai oleh syarikat-syarikat kewangan ini tidak sepatutnya terbatas kepada membiayai pembelian kenderaan, bas, lori, kereta dan sebagainya tetapi harus digalakkan untuk memainkan peranan untuk memberi kredit kepada lain-lain sektor, terutama sektor pertanian yang kewujudan kewangannya ataupun the viability of fund di dalam lapangan kredit pertanian ini agak terbatas.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat kewangan sebenarnya boleh dipupuk dan boleh diperkembangkan dan mempunyai potensi untuk maju kiranya setiap syahkat itu mempunyai kadar kemampuan kewangan yang teguh. Akan tetapi kalau kita biarkan syarikat-syarikat kewangan ini berjalan ikut arah masing-masing dan ikut cara masing-masing seperti yang sekarang ini secara sendiri-sendiri dengan tidak ada hadnya maka akan kekallah syarikat-syarikat kewangan ini ditahap lamanya sedangkan di dalam industri kewangan yang lain iaitu bank berlesen dan bank saudagar prestasi mereka telah meningkat sesuai dengan perkembangan zaman.

Saya perhatikan bahawa setengah-setengah syarikat kewangan masih lagi berjalan atas dasar syarikat kekeluargaan, seolah-olah business keluarga. Dan yang demikian, usaha memodenkan syarikat-syarikat kewangan ini dari segi pengurusan tidak dapat dilakukan. Tidak ada usaha-usaha untuk menambah atau meinject kepakaran baharu di dalam bidang ini dan hal yang demikian, selepas beberapa tahun kita masih lagi melihat syarikat-syarikat kewangan ini menggunakan gangster-gangster apabila mereka berhadapan dengan masalah mengutip balik bayaran daripada peminjam-peminjam untuk beli kereta. Mentality seperti ini hanya wujud apabila syarikat-syarikat ini dibiarkan berjalan dalam keadaan tradisional dan tidak ada sebarang usaha untuk mempermodenkan pentadbiran dan perjalanan syarikat-syarikat kewangan yang kecil-kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Perkara 5 iaitu Seksyen 20 Akta itu yang sekarang dipinda menjadi Sub-seksyen 1 yang mensyaratkan bahawa syarikat-syarikat kewangan yang berlesen mestilah tidak boleh memberi pinjaman tanpa cagaran kalau pinjaman itu melebihi \$5,000 pada

mana-mana orang melainkan dengan syarikat-syarikat kewangan berlesen, bank atau mana-mana institusi-institusi kewangan yang tain yang diluluskan oleh Bank Negara. Semangat pindaan kepada seksyen ini adalah baik, pada hemat saya, saya agak semangat di belakang pindaan sub-seksyen ini adalah untuk melindungi para pelabur, penyimpanan-penyimpan wang di dalam syarikat kewangan dan juga untuk melindungi kepentingan saham ahli-ahli syarikat supaya pinjaman-pinjaman tidak diberi secara sewenang-wenang tanpa cagaran. Walau bagaimanapun, tiap-tiap yang baik itu ada kemungkinan berlaku perkara yang tidak baik.

Kita bersetuju pada prinsipnya bahawa kepentingan pelabur, kepentingan pemegang saham mesti dilindungi. Tetapi kalau perlindungan itu dibuat dalam bentuk Undang-undang secara yang agak rigid maka akan timbul masalah, yang pertama ialah masalah untuk mendapatkan peminjam. Sekarang ini barangkali syarikat-syarikat kewangan akan mudah memberi alasan bahawa mereka tidak memberi pinjaman daripada lebih daripada \$5,000 tanpa cagaran kerana tidak ada cagaran. Semangat pindaan kepada fasal ini saya rasa bercanggah dengan apa selama ini kita dengar daripada para pemimpin kita yang selalu bercakap dan selalu menganjurkan kepada bank-bank supaya di dalam memberi pinjaman mereka tidak terlampau menekankan soal cagaran.

Kita sudah mendengar perkara ini berkali-kali, berterusan dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin kita termasuk Menteri Kewangan yang dahulu, Menteri Kewangan yang sekarang juga dan lain-lain pemimpin. Ada satu quotation yang amat masyhur di kalangan ahli-ahli bank iaitu lebih kurang bunyinya dalam Bahasa Malaysia "orang yang tak pandai menulis dan membaca pun

boleh meluluskan satu pinjaman \$100 juta kalau pinjaman itu mempunyai cagaran sepenuhnya. Tetapi seseorang yang hanya orang-orang banker yang bijaksana sahaja yang boleh meluluskan \$100 juta tanpa cagaran. Tentulah suatu perkara yang amat mudah uhtuk kita meluluskan pinjaman kalau cagaran sudah ada dan kita boleh tidur lena selepas pinjaman itu diluluskan. Tetapi masalahnya kalau kita mahu ekonomi kita berkembang, kita juga harus memikirkan bahawa cagaran itu sebenarnya hanyalah satu daripada beberapa syarat, satu daripada unsur-unsur yang membolehkan sesuatu pinjaman itu diluluskan. Tetapi kalau kita menjadikan cagaran itu sebagai suatu perkara yang mutlak maka kita akan menghadapi suatu keadaan yang amat rigid di dalam sistem banking dan kewangan kita dan kita tidak akan berkembang secepat yang kita mahu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan syarat yang ketat seperti ini belum lagi merupakan satu jaminan bahawa orang tidak boleh menyalahgunakan kuasa mereka. Sesuatu cagaran, nilai cagaran itu masih lagi boleh dimanupulasikan melalui penilai yang tidak tepat. Sesuatu harta mungkin boleh dinilai dengan harga satu juta ringgit, mungkin boleh dinilai dua juta ringgit dan mungkin boleh dinilai setengah juta ringgit bergantung kepada beberapa faktor. Walaupun kita sedar bahawa juru-juru nilai yang berlesen yang terdapat di Malaysia sekarang boleh dianggap mempunyai kredibiliti yang agak tinggi, namun kita masih juga tidak boleh menolak sama sekali kemungkinan bahawa nitai cagarari itu pun masih terdedah kepada perbuatan manupulasi.

Jadi, kalau maksud tujuan pindaan kepada syarat seksyen 20 ini bermaksud untuk melindungi para pelabur dan para pemegang saham dalam syarikat kewangan bagi

menjamin bahawa setiap peminjam itu akan diperolehi balik, baik dalam bentuk wang tunai ataupun dalam bentuk harta tetapi dalam pengalaman-pengalaman kita di Malaysia ini dan pengalaman di luar negeri juga masih menunjukkan bahawa pinjaman-pinjaman yang bercagar itu sekali pun masih juga belum tentu jaminannya. Oleh yang demikian, saya minta pihak Timbalan Menteri mengkaji semula syarat ini supaya kita tidak terlalu rigid di dalam menentukan soal sekuriti atau jaminan kepada pinjaman-pinjaman itu. Dan sebenarnya kita patut menggalakkan bank-bank supaya memberi pinjaman walaupun cagarannya tidak cukup, walaupun cagarannya mungkin hanya 20% atau 30% daripada jumlah pinjaman yang diminta. Apa yang penting di sini ialah bahawa projek yang hendak dibiayai dengan pinjaman ini mestilah mendatangkan pulangan yang baik, yang bukan sahaja akan memberi faedah kepada peminjam itu sendiri, bahkan akan menjamin bahawa peminjam itu akan dapat membayar balik hutangnya kepada syarikat kewangan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat Malaysia yang sedang berkembang, dalam keadaan ekonomi kita yang sedang berkembang dan dalam keadaan proses kita menuju ke arah suatu ekonomi moden, sistem kewangan kita mestilah cukup flexible dan cukup adil untuk semua pihak di samping kita mestilah berusaha melindungi kepentingan-kepentingan penanaman modal dan pemegang-pemegang saham, kita mesti melihat bahawa institusi-institusi kewangan ini patut memainkan peranan yang lebih besar, yang lebih luas supaya mereka menjadi satu catalyst kepada perkembangan ekonomi kita. Tetapi kalau kita terlampau membuat peraturan demi peraturan, demi peraturan maka kita akan melihat bahawa tangan mereka sudah terikat

dan setiap orang yang datang hendak meminjam akan berhadapan dengan jawapan yang standard, dengan izin, iaitu minta maaflah ini hendak undang-undang, ini kehendak Bank Negara, ini kehendak Kerajaan, Perbendaharaan dan sebagainya. Inilah cara mudah yang sekarang dijawab oleh para pengusaha kewangan kepada bakal-bakal pelabur sedangkan kita di satu semangat yang lain, di satu nafas yang lain kita ingin melihat para pengusaha menanam modal supaya mempertingkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi di negara kita ini. Lebih-lebih lagi kita ingin menggalakkan orang-orang kecil, orang the non-status, dengan izin, orang yang belum memulakan sebarang perniagaan, tetapi ada keinginan untuk memulakan perniagaan tetapi mereka tidak mempunyai wang tunai dan modal untuk memulakan perniagaan mereka, sudah tentulah mereka terpaksa bergantung kepada syarikat-syarikat kewangan ataupun bank-bank untuk mendapatkan modal.

Saya sedar bahawa kita perlu bertegas dan menentukan peraturan-peraturan yang rigid, yang agak ketat di dalam bank-bank oleh kerana selain daripada menjalankan kegiatan-kegiatan memberi pinjaman, bank-bank juga merupakan satu institusi yang akan rebah atau bangun bersama-sama dengan sistem ekonomi negara keseluruhannya dan kerana itu kawalan yang lebih ketat perlu dikenakan ke atas bank-bank yang berlesen. Tetapi bagi syarikat-syarikat perniagaan, perlulah ada satu flexibility dan perlulah ada suatu sistem yang agak berlainan supaya mereka boleh berkembang dan boleh memainkan peranan mereka yang lebih besar dan tidaklah setakat untuk membiayai pinjaman kenderaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya menyokong Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Ahli dari Sepang tadi dia bangun, dia keluar. Sila jawab.

5.59 *ptg.*

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Syarikat Kewangan 1969 ini. Dan terima kasih khas saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih dan juga Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang telah menjawab bagi pihak Kementerian Kewangan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu walaupun telah dijawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih dan Padang Rengas saya ingin hendak menambahkan sedikit lagi mengenai Syarikat Setia Timur yang disebut oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kepong tadi.

Pertamanya seperti yang saya sebutkan semalam sewaktu menjawab ataupun mengulas di dalam pembentangan pindaan Akta Bank, Syarikat Setia Timur bukanlah satu syahkat kewangan yang berlesen maka kalau syarikat berkenaan bukan merupakan satu syarikat kewangan sudah tentulah ianya terkeluar daripada undang-undang yang kita bincangkan.

Soalnya sekarang syarikat ini telah membuat salah, membuat salah kerana menjalankan perniagaan yang mana sepatutnya mereka itu ataupun tuannya syarikat itu tidak boleh membuat perniagaan di bawah peraturan ini, peraturan syarikat kewangan. Itu satu.

Jadi kalau sekiranya mereka itu salah dan ada pula kononnya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah dua-tiga tahun melibatkan beribu-ribu penyimpan mengapa kita tidak sedar, saya hendak bertanya balik Ahli Yang Berhormat dari Kota Metaka, barangkali kita tidak sedar mengenai perkara ini tetapi adakah beliau sedar dan kalau beliau sedar adakah bererti beliau bersubahat dengan mereka yang bersalah? Kalau beliau juga tidak sedar iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga tidak sedar, jadi tidak hairanlah kalau kita tidak sedar juga sebab setiap seseorang yang menjalankan sesuatu aktiviti yang haram memang bersembunyi dan hanya apabila diketahui barulah Kementerian Kewangan dan Bank Negara mengambil tindakan-tindakan yang sesuai seperti yang telah pun dijalankan sejak dua-tiga minggu yang lalu.

Saya tidak nampak ada pentingnya mengulas lebih panjang lagi perkara ini kerana pada pandangan saya kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Kepong itu hanya hendak berucap untuk mendapatkan publisiti politik yang murah. Dan hairan juga mereka ini hanya dapat menimbulkan perkara-perkara yang telah berlaku dan kalau kita beri keterangan yang banyak sekalipun tidak guna kepada mereka. Tiap-tiap kali apa juga Bill yang dibawa oleh Kementerian Kewangan, BMF disebut, walaupun tidak ada kaitan dengan perkara itu. Jadi mulai daripada saat ini, Tuan Yang di-Pertua saya tak hendak lagi metayan mereka itu, merugikan masa saya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah menyebutkan tentang perkataan-perkataan yang digunakan mungkin tidak secukupnya ataupun sesuai seperti juga disebutkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Kepong. Saya sudah terangkan perkara ini semalam tetapi oleh kerana perkara ini disebut sekali lagi, saya hendak sebut juga sekali lagi supaya lebih terang.

Tiap-tiap sesuatu yang baru memang janggal rasanya, apa jugalah yang baru, tak berapa enak didengar tetapi kalau kita ambil satu perkataan yang tak ada langsung maknanya pada perkataan Melayu yang digunakan sendiri oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, perkataan "risiko" misalnya, risiko ini juga perkataan baru, tidak ada makna tetapi sekarang ini Ahli Yang Berhormat dari Kepong pula boleh menggunakan perkataan "risiko" dengan baik dan kita boleh faham seolah-olah menggambarkan makna risiko itu. Jadi kita harap sangatlah supaya perkataan-perkataan yang digunakan oleh pembuat ataupun yang merangka undang-undang ini digunakan sehingga ianya dapat diterima kerana setiap satu-satu perkataan seperti yang saya katakan semalam bukannya direka ataupun dibentuk dengan sewenang-wenangnya. Pada permulaannya, seperti yang saya difahamkan, dicari satu perkataan bahasa Melayu tulin kalau ada, kalau tidak pun bahasa Melayu, loghat daerah setidak-tidaknya, kalau itu juga tak dapat baru dicari satu perkataan bahasa Inggeris yang di Melayukan "risk" di Melayukan kepada "risiko" misalnya, itu dekat-dekatlah maknanya itu, tetapi kalau sekiranya saya terangkan apakah makna risiko terpaksa saya menggunakan perkataan Inggeris untuk memberi makna itu. Walau bagaimanapun, akhirnya kita boleh tahu dan ini bertujuan supaya tidak ada mana-mana satu pihak nanti akan terkeliru. Setelah perkataan-perkataan ini digunakan berkali-kali perkataan ini dapat diterima. Seperti saya katakan semalam, bahasa itu hidup, apabila bahasa tidak dapat berkembang mengikut keadaan-keadaan tertentu ianya akan mati dan

apabila mati sudah tentulah bahasa itu tidak akan digunakan oleh sesiapa.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menyebut tentang seksyen 28B dan seksyen baru 33A 1. Berhubung dengan ini sukalah saya memaklumkan iaitu berkenaan Seksyen 28B ini pada pandangan Kementerian Kewangan ianya tidak akan menghadkan pelaburan, ianya tidak akan melimitkan, dengan izin, pelaburan dari mana-mana pihak.

Berkenaan dengan Seksyen 33A (1) di mana ianya adalah berkaitan dengan 33A (1) (b) (i) yang menyebutkan tentang kuasa-kuasa peruntukan di bawah seksyen ini di mana Menteri atau Bank Negara diberi kuasa untuk mengambil alih syarikat-syarikat kewangan itu. Yang sebenarnya seperti jugalah jawapan yang diberi kepada teguran saya sewaktu membincangkan pindaan Rang Undang-undang Bank, kuasa ini sudah tentulah tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya oleh Menteri Kewangan tetapi sebab hanya di dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja akan kuasa ini digunakan oleh Menteri Kewangan dan itu pun setelah merujuk kepada Panel Penasihat yang akan ditubuhkan di bawah sub-seksyen (2) Seksyen 31A Ordinan Bank Negara Malaysia 1985.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah pun memetik satu petikan di mana beliau hendak menguatkan hujahnya supaya pinjaman-pinjaman tidak perlu semata-mata bergantung kepada sekuhti. Saya agak hairan juga mengapa perkara ini telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Kalau sekiranya sesebuah syarikat kewangan kerugian oleh sebab memberi pinjaman-pinjaman kepada peminjam-peminjam tanpa cagar, mereka akan menggunakan keadaan ini ataupun situasi ini yang

kononnya Kementerian Kewangan tidak mengawasi syarikat kewangan di atas dasar-dasar pinjaman.

Sekarang ini kita telah bercadang mengetatkan pinjaman-pinjaman supaya hanya pinjaman-pinjaman yang kurang daripada \$5,000 sahaja boleh diberikan kepada peminjam-peminjam selain daripada syarikat kewangan yang lain, bank ataupun institusi-institusi kewangan yang lain boleh diberi pinjaman tanpa cagaran. "Yang lain" ertinya tidak boleh mendapat pinjaman tanpa cagaran daripada mana-mana syarikat kewangan yang lebih daripada \$5,000, beliau pula membuat teguran seperti ini. Saya hairan juga sekali lagi di dalam ini pun, pada pandangan saya, tidak ada teguran yang agak objektif, teguran yang baik selain daripada hanya hendak mencari publisiti juga, hanya hendak membayangkan seolah-olahnya apa juga yang Kerajaan buat itu tidak betul, barangkali hanya mereka yang buat sahaja yang betul. Ini tidak dapat saya fikirkan selain daripada alasan-alasan untuk mendapatkan perhatian orang-orang yang sengaja suka mencari kesalahan-kesalahan walaupun niat Kerajaan mengubah ataupun membuat pindaan kepada Undang-undang Syarikat Kewangan ini supaya tidak berlaku sebarang keadaan-keadaan di mana nanti sesebuah syarikat kewangan mungkin mendapati keadaan yang sukar dari segi liquiditynya oleh sebab memberi pinjaman-pinjaman tanpa cagaran-cagaran yang tertentu, cagaran-cagaran yang baik.

Ada satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang hendak saya sebutkan di sini, yakni mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Terengganu di mana beliau membayangkan ataupun memberi pandangannya seolah-olah imej syarikat kewangan ini hanyalah untuk kegunaan mereka membuat pinjaman membeli kereta sahaja; dan

seterusnya untuk memperbaiki imej ini beliau mencadangkan supaya syarikat-syarikat kewangan yang kecil digabungkan. Sebenarnya sememang Kerajaan menggalakkan supaya syarikat-syarikat kewangan berkembang maju, maka itu sejak, kalau tak silap saya, 2 tahun atau lebih 2 tahun yang sudah: lesen-lesen syarikat kewangan tidak lagi diluluskan oleh Kerajaan, tetapi Kementerian Kewangan menggalakkan supaya syarikat-syarikat kewangan yang ada ini mewujudkan atau menubuhkan cawangan-cawangannya yang baru di bandar-bandar lain selain daripada bandar di mana syarikat kewangan itu menubuhkan ibu pejabatnya. Kita berharap sangat-sangatlah supaya syarikat-syarikat yang kecil ini kalau pun tidak bergabung antara satu sama lain, tetapi dapat berkembang dengan sendirinya dengan menambahkan cawangan-cawangan.

Selain daripada tujuan itu, kita juga memikirkan bahawa sekarang ini syarikat-syarikat kewangan yang ada sudah mencukupi untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan di dalam bidang ini sejajar dengan tujuan syarikat-syarikat kewangan diadakan. Soal sama ada imej syarikat kewangan ini hanya untuk pinjaman beli kereta dan sebagainya, mungkin berbeza dari kaca mata yang berbeza sebab setakat yang saya ketahui ada juga syahkat-syarikat kewangan yang memberi pinjaman-pinjaman kepada pemaju-pemaju dengan jumlah yang boteh dikatakan agak besar juga, tetapi itu tertakluk kepada besar mana sesebuah syarikat kewangan itu. Seperti kita ketahui ada juga syarikat-syarikat kewangan yang lebih besar daripada sesebuah bank, cuma barangkali yang perlu kita tegaskan ialah peranan syarikat kewangan itu berbeza sedikit dengan peranan bank. Saiznya tidak semesti sentiasa lebih kecil daripada sesebuah bank.

Yang lain-lain saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang saya hendak terangkan kerana perkara-perkara yang dibangkitkan adalah lebih kurang sama dengan perkara-perkara yang dibangkitkan sewaktu membincangkan pindaan kepada Akta Bank; dan oleh sebab perkara itu lebih kurang sama telah saya jawab lebih kurang sama juga berdasarkan kepada jawapan sewaktu menjawab tentang pindaan kepada Akta Bank yang dibincangkan daripada semalam sehingga sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan,

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN)

Bacaan KaJi Yang Kedua dan Ketiga

6.22 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, . saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam, 1983 dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Bank Islam 1983 adalah bagi menyelaraskan pindaan-pindaan yang dibuat dalam Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969.

Seksyen 25 dalam Akta Bank Islam 1983 yang sedia ada melarang sesuatu bank Islam daripada memberikan pendahuluan pinjaman atau memudahkan kredit kepada pengarah dan kakitangan bank serta ahli-ahli keluarga rapat dan juga firma-firma dan perbadanan-perbadanan di mana pengarah-pengarah atau kakitangannya mempunyai kepentingan. Pindaan yang dicadangkan dalam Akta Bank Islam akan membolehkan Bank Negara Malaysia menggunakan budibicaranya untuk memberi pengecualian, ke atas pinjaman oleh suatu Bank Islam kepada perbadanan-perbadanan di mana pengarah-pengarah atau kakitangan bank Islam menganggotai Lembaga Pengarah perbadanan-perbadanan tersebut tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ini ialah untuk memberi pengecualian kepada perbadanan-perbadanan seperti institusi-institusi pembangunan dan institusi-institusi Kerajaan yang ditubuhkan untuk memenuhi objektif Kerajaan, anak-anak syarikat atau bank Islam dan syarikat-syarikat sekutunya serta syarikat-syarikat swasta di mana Kerajaan mempunyai kepentingan. Memandangkan pengarah-pengarah dan kakitangan suatu bank Islam tidak menganggotai Lembaga Pengarah institusi-institusi tersebut atas kepentingan peribadi masing-masing tetapi adalah dilantik oleh Kerajaan atau bank Islam sendiri untuk memberi khidmat kepakaran, maka institusi-institusi tersebut seharusnya dibenarkan menerima kemudahan kredit daripada bank Islam. Ini adalah

selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank 1973.

Di samping itu, pindaan akan juga dibuat ke atas Akta Bank Islam dengan mengadakan seksyen baru 27A untuk melarang seseorang pengarah, pengurus atau pekerja suatu bank Islam daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau yang berlawanan dengan mana-mana arahan yang dikenakan oleh Bank Islam itu. Pindaan ini adalah juga selaras dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 bagi menghalang penyalahgunaan kuasa dalam proses memberi pinjaman terutama oleh pegawai-pegawai bank oleh kerana penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam memberi pinjaman boleh mengakibatkan sesuatu institusi kewangan menghadapi masalah yang boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap institusi itu dan sistem kewangan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.25 ptg.

Tuan Haji Wan Mohamed Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama membincangkan pemindaan Akta Bank Islam 1983. Dengan pindaan ini kita berharap

penyalahgunaan di dalam pengurusan bank Islam ini tidak akan berlaku sebagaimana berlaku kepada bank-bank lain. Cuma pihak Kerajaan harus memberi perhatian bahawa janganlah dengan namanya Bank Islam maka akan berselindung di sebalik Islam itu beberapa perkara yang kita tidak ingini berlaku.

Apabila saya bertanya kepada orang-orang Bank Islam, apa bezanya Bank Islam ini dengan bank perdagangan: Jawabnya, beza sedikit sangat. Bezanya sama ada akad ataupun tidak akad. Itu sahaja, kata mereka. Kalau akad nikah, katanya, aku nikahkah dikau, maka saya terima dengan tidak kata apa-apa. Itu bezanya, kata mereka. Jadi, kalau itulah bezanya di antara akad nikah dengan tidak akad nikah; akad nikah, halal, maka tidak akad nikah, haram. Maka itulah bezanya di antara Bank Islam dengan bank perdagangan.

Dan secara pengalaman yang saya terlibat dengan Bank Islam selama ini apabila kita sebut Bank Islam maka akan berharap—bukan kita harapkan pinjaman tidak mahu bayar, tetapi akan berharap beban membayarnya tidak akan berat sebagaimana kita membayar kepada bank-bank perdagangan tetapi apabila kita membuat satu pinjaman kepada Bank Islam maka bayarannya sama. Cuma kalau bank perdagangan ini dikatakan bahawa kau pinjam rumah \$180,000 interestnya 12% dan kalau pinjam kurang \$100,000 interestnya 10%. Bank Islam tak ada interest. Kalau kau pinjam \$100,000 engkau kena bayar \$250,000. Kira macam mana? Kira 10% juga, kata dia. Kalau pinjam \$180,000 kena bayar sebanyak mana? Bayar \$435,000. Jadi, betullah kata orang tadi, cuma dari segi akad, tak akad sahaja. Jadi, bank Islam apabila kita membuat pinjaman seperti ini maka saya juallah rumah ini kepada tuan sebanyak \$435,000. Itu sahaja perbezaannya, akadnya maka saya

terimalah dan saya belilah barang ini dengan harga \$435,000, kata dia. Bersetuju kita. Jadi, dari segi hakikatnya sama iaitu kita terpaksa juga membayar interest (faedah) sebagaimana yang kita bayar kepada bank perdagangan, cuma disebut nama kita beli \$185,000, kita bayar \$435,000. Kalau kita pinjam bank dengan interest 12 1/2% selama 15 tahun kita bayar \$435,000. Untungnya sekiranya kita kena loteri, misalnya kita hendak bayar tunai, Bank Islam helum tentu kita boleh bayar kurang, tetapi bank perdagangan boleh. Kita boleh membayar kurang. Ini bukan saya hendak ceritakan keburukan Bank Islam, tetapi apa yang berlaku hanya sedikit sahaja perbezaan di antara dua bank ini.

Satu lagi kepada simpanan kita di dalam Bank Islam. Kita tidak mahu orang-orang Islam kita akan tertipu dengan nama sahaja. Misalnya saya menyimpan wang di dalam Post Office ataupun Bank Simpanan Nasional disebut faedah 6% tiap-tiap bulan saya mesti dapat. Saya simpan dalam Public Bank, saya dapat 10%, dia kata, tetapi dalam Bank Islam tak sebut. Tak tentu saya akan dapat atau tidak. Sebenarnya kalau simpan dalam Bank

Islam dia akan bagi 12% atau 13% kerana tidak ada sebut menguntungkan, tetapi sebaliknya oleh kerana tidak sebut dengan ada akaun pelaburannya, saya hanya mendapat kadang-kadang 4%, kadang-kadang 5%. Inilah kerugian yang ditanggung oleh orang Islam. Jadi, dengan keadaan seperti ini janganlah banyak nama-nama yang kita tidak faham, dengan mudarabah, itu rabah, ini rabah, kalau bank perdagangan dengan nama amaun itu, liability ini, macam-macam nama. Ini dengan nama Arab yang boleh mengelirukan kita, dengan bah sana, bah sini, bah sana [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok.

[Ketawa] Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung bah, bah itu. [Ketawa].

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 4.00 petang besok, 25hb Oktober, 1985,

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.